

KERATAN AKHBAR

DISEDIAKAN OLEH :

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM
AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
WAKAF TAPAI**





KERATAN AKHBAR

Bulan Ogos 2012

Gelisah ibu tidak pulang

Wanita warga emas maut motosikal dirempuh kenderaan bomba

>>Oleh Mohd Jamil Anbia
Md Denin dan Mohd Husni
Mohd Noor

am@metro.com.my

POH: "Hati saya tidak keruan apabila ibu masih tidak pulang ke rumah walaupun waktu berbuka puasa semakin hampir. Saya cuba hubungi telefon bimbitnya berulang kali namun gagal," kata Nor Aishah Ahmad Dol, 30, anak kepada Saadiah Yahya, 55, yang maut dalam kemalangan membabitkan sebuah kenderaan bomba dan motosikal berhampiran lampu isyarat simpang empat di Jalan Raja Musa Aziz dan Jalan Raja Idris Shah di sini, semalam.

Aishah berkata, ibunya yang bertugas di Lembaga Air Perak (LAP) biasanya pulang ke rumah untuk berbuka puasa bersama mereka sekitar jam 6.30 petang.

"Bagaimanapun saya tidak sedap hati apabila ibu masih tidak sampai di rumah seperti kebiasaannya. Saya cuba hubungi telefon bimbit ibu namun tidak dijawab."

"Namun segala persoalan terjawab apabila seorang anggota polis muncul di hadapan rumah kami di Kampung Tersusun Sungai Pari, Buntong, di sini, sebelum memaklumkan ibu saya maut akibat kemalangan jalan raya," katanya ketika ditemui wartawan di perkampungan bilik mayat Hospital Raja Permaisuri Bai-



MAUT... mayat Saadiah (gambar kecil) terbaring berhampiran motosikalnya selepas dirempuh jentera bomba, semalam.

nun (HRPB) Ipoh, di sini.

Aishah berkata, ibunya yang juga seorang ibu tunggal biasanya tidak makan ketika berbuka puasa sebahalunya hanya gemar minum segelas air untuk mengalaskan perut.

"Saya terkilan kerana tidak dapat bercakap dengan ibu hari ini (semalam). Ma-

lah saya tidak bangun untuk menemaninya bersahur semalam," katanya.

Sementara itu seorang lagi anak mangsa, Mohd Zubir Ahmad Dol, 22, berkata dia sempat bersahur dengan ibunya awal pagi semalam namun ibunya tidak menunjukkan sebarang perubahan pelik.

Menurutnya, pagi semalam ibunya keluar dari rumah untuk ke tempat kerja dengan menunggang motosikal seperti biasa.

"Saya terkejut dengan apa yang berlaku, sebelum ini kami empat beradik kehilangan ayah selepas dia meninggal dunia akibat sakit jantung," katanya.

FOTO | J. Maniran

Rabu, 1 Ogos 2012
12 Ramadan 1433

Rempuhan di lampu isyarat

POH: Seorang wanita warga emas maut dalam kecaaan mengkilan apabila kepalanya digilis jentera bomba yang dalam perjalanan untuk memadamkan kebakaran.

Dalam kejadian jam 6.30 petang semalam itu, kenderaan jentera bomba membawa lebih lima anggota itu dikatakan melanggar mangsa yang ketika itu menunggang motosikal tersendirian berhampiran lampu isyarat simpang empat Jalan Raja Musa Aziz dan Jalan Raja Idris Shah, di sini.

Rempuhan menyebabkan topi keledar dipakai mangsa pecah. Berdasarkan identiti pengenalan diri ditemui pada tubuh mangsa, wanita malang itu dikenali sebagai Saadiah Yahya, 55, berasal dari Kampung Tersusun, Buntong, di sini.

Saksi kejadian hanya mahui dikenali sebagai Jude, 22, berkata, kejadian berlaku ketika dia menunggu lampu isyarat hijau untuk melintas jalan berhampiran simpang empat itu.

Menurutnya, dia mendengar bunyi siren jentera bomba datang dari arah Jalan Raja

Musa Aziz sebelum melihat beberapa kenderaan menghimpit ke kiri jalan untuk memberi laluan.

"Ketika itu saya melihat asap tebal naik ke udara tidak jauh dari lokasi kejadian, saya yakin jentera bomba itu menuju ke lokasi kebakaran untuk memadamkan api.

"Wanita malang terbabit yang menunggang motosikal di laluan tengah jalan tiga lorong itu dipercaya cuba membelok ke kiri sebelum dirempuh jentera bomba yang juga datang dari arah sama," katanya.

Pelajar kolej swasta itu mendakwa nahas ngeri berkenaan berlaku sekelip mata sebelum mangsa digilis jentera bomba itu.

"Saya tergamam melihat tubuh mangsa terbujur kaku di atas jalan sambil darahnya mengalir tidak hent-hentinya dari kepalanya.

"Pemandu jentera bomba berkenaan memberhentikan kenderaan berat itu kira-kira 30 meter dari mayat mangsa. Mereka meletakkan kon keselamatan sebelum menutup mayat mangsa dengan jaket," katanya.

Warga emas maut digilis jentera bomba

IPOH - Seorang warga emas maut selepas dia dan motosikal yang ditunggangnya digilis sebuah jentera bomba dalam kejadian di persimpangan Jalan Sultan Idris Shah di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 6.45 petang itu, mangsa, Saadiah Yahya, 55, yang berasal dari Kampung Tersusun Sungai Pari, Buntong di sini, mati serta-merta di tempat kejadian.

Menurut seorang saksi, ketika berhenti di persimpangan lampu

isyarat di situ, motosikal ditunggangi mangsa berada bersebelahan jentera bomba berkenaan.

"Semasa sedang membelok ke arah Jalan Raja Musa Aziz berdekatan Bangunan Maju UMNO, penunggang motosikal berkenaan tidak menyedari motosikalnya begitu hampir dengan jentera bomba terbabit.

"Motosikal mangsa dihimpit menyebabkan penunggangnya terjatuh sebelum digilis pada tayar ba-

hagian belkang jentera terbabit," katanya yang enggan dikenali.

Topi keledar yang dipakai Saadiah pecah dan mangsa mengalami kecederaan parah pada bahagian kepala.

Sementara itu, Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Bala negeri, Ahmad Aminudin Abd. Rahim berkata, jentera yang membawa tujuh anggota itu melalui jalan tersebut selepas selesai memadam kebakaran di Manjoi.



SAADIAH

Impian sambut raya musnah

Kelengkapan raya, pakaian bayi hangus dalam kebakaran

CHUKAI - Impian untuk sebuah keluarga empat beranak menyambut Aidilfitri dan kedatangan ahli keluarga baru lebur apabila kediaman mereka termasuk kelengkapan raya serta peralatan selain pakaian bayi musnah dalam kebakaran di Kampung Besut, dekat sini, kira-kira jam 7.40 petang kelmarin.

Hanya sebuah televisyen sahaja yang sempat diselamatkan jiran setelah menyedari kebakaran itu kerana ketika kejadian mangsa sekeluarga berbuka puasa di rumah saucara mereka di Kampung Mak Chih.

Kesemua barang berharga lain di dalam dan di luar rumah termasuk tiga kereta, sebuah motosikal dan sebuah basikal musnah dengan anggaran kerugian keseluruhan bernilai kira-kira RM.28,500.

Nazira Ismail@Kamal, 30, yang sarat mengandungi dan hanya menunggu masa untuk melahirkan anak ketiganya berkata, kira-kira 10 minit selepas berbuka puasa di rumah kakaknya, suaminya, Saikri Ngah@Choh, 40, mendapat panggilan yang rumah mereka terbakar.

"Sebenarnya berat hati saya untuk pergi berbu ke rumah kakak sebab saya tak larat nak berjalan tetapi kerana kakak ak bersungguh-sungguh

jadi saya, suami dan dua anak, Sophiya Karmila, 8, dan Maryam Khalisa, 4, pergi juga sebelum kami dikejutkan dengan panggilan telefon memberitahu rumah kami terbakar," katanya.

Katanya, apa yang menyedihkan mereka kini tinggal sehelai sepinggang malah segala kelengkapan bersalin dan bayi serta kelengkapan raya mereka empat beranak yang telah siap dibeli kini semuanya berukar jadi abu.

Nazira yang juga seorang guru tuisyen dan mengajar di rumahnya dengan murid berjumlah 20 orang berkata, turut hangus sebanyak 20 meja tuisyer,

papan putih besar, perabot rumah selain dokumen berharga dan dokumen perniagaan siarnya kerana rumahnya tu juga merupakan pejabat suaminya yang membuka perniagaan dalam sektor minyak dan gas.

"Suami saya juga pemilik bengkel dan rumah kami ini juga adalah bengkel membaiki kenderaan. Tiga buah kereta yang terbakar iaitu dua Protton Setria adalah kereta milik mekanik yang bekerja dengan suami sementara Honda Civic adalah milik pelanggan," katanya yang terpaksa menumpang di rumah kakaknya selepas itu.



Nazira (tiga kiri) dan suaminya, Saikri (tiga kanan) bergegas pulang dari rumah kakak melihat keadaan rumah mereka yang hangus.



“Saya dan anak-anak segera keluar dari rumah sejeurus kemudian manakala suami pula bersama beberapa lagi orang kampung masuk ke dalam rumah jiran itu dan hanya sempat keluaran televisyen. Ketika itu juga bunyi letupan kuat kerana kereta yang terbakar meletup.”

Che Karmila

Jiran dengar bunyi letupan

"SELEPAS selesai buka puasa saya dengar bunyi letupan kuat macam bucak main meruncin bola jadi saya buka tingkap dapur untuk jenguk, alangkah terkejutnya apabila lihat api menjulang tinggi memamah rumah jiran," kata Che Karmila Bustaman, 25, yang sempat menyaksikan api meranapkan rumah Nazira.

Ibu dua anak ini berkata, badannya seolah-olah melayang dan menggigil apabila melihat kebakaran di depan mata sebelum dia memberitahu suaminya akan musnah tu lalu suaminya, Mohd Yasin Mohd Amin, 36, mengambil tong gas dan mem-

buanginya ke halaman rumah kerana khuatir api merebak ke rumah mereka.

"Saya dan anak-anak segera keluar dari rumah sejeurus kemudian manakala suami pula bersama beberapa lagi orang kampung masuk ke dalam rumah jiran itu dan hanya sempat keluaran televisyen. Ketika itu juga bunyi letupan kuat kerana kereta yang terbakar meletup," katanya.

Bomba cepat sampai di tempat kejadian

SEMENTARA itu, Pegawai Bomba Kanan II, Ramli Sidek dari Balai Bomba dan Penyelamat Kemaman yang mengetuai operasi pemadaman kebakaran itu berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 7.59 petang sebelum



Anggota bomba berusaha memadamkan api dalam kebakaran di Kampung Besut. Chukai, malam kelmarin yang mengakibatkan mangsa sekeluarga tinggal sehelai sepinggang dengan kelengkapan raya yang siap dibeli turut hangus.



Mohamed yang menziarahi dan menyampaikan bantuan segera sebanyak RM500 melihat keadaan rumah Saikri yang musnah.



“ Suami saya juga pemilik bengkel dan rumah kami ini juga adalah bengkel membaiki kenderaan. Tiga buah kereta yang terbakar iaitu dua Proton Satria adalah kereta milik mekanik yang bekerja dengan suami sementara Honda Civic adalah milik pelanggan.”

Nazira

Tiga buah kereta yang berada di pekarangan rumah mangsa tidak berjaya diselamatkan.

bergaske tempatkejadian dan tiba di lokasi kira-kira jam 8.05 malam.

Katanya, kedudukan rumah terbabit yang dekat dengan balai bomba iaitu jarak kira-kira 2.5 kilometer membolehkan pihaknya cepat tiba di lokasi dengan: api berjaya dikawal kira-kira jam 9.15 malam seterusnya mengelakkan api daripada merebak ke rumah jiran.

Pun begitu, menurutnya, punca kebakaran rumah itu yang merupakan jenis separuh kekal serta berkeluasan 60x40 kak persegi masih lagi dalam siasatan.

Operasi berkenaan memabtkan dua jentera dan seramai 15 anggota dari: Balai Bomba dan Penyelamat Kemaman dan Balai Bomba dan Penyelamat Chukai.

Pas, Adun Chukai ziarah mangsa

MUSIBAH yang menimpa Nazira sekeluarga di saat umat Islam kini sedang menjalini ibadat

puasa dan bersedia menyambut Syawal mendapat perhatian beberapa pihak yang prihatin termasuk Adun Chukai, Datuk Mohamed Awang Tera yang menziarah mangsa sekeluarga di lokasi kejadian selepas Solat Terawih sambil menghulurkan bantuan segera sebanyak RM500.

Kata Mohamed, pihaknya juga akan menyalurkan bantuan lain iaitu barangan keperluan dapur bagi meringankan beban yang ditanggung mangsa sekeluarga.

Selain itu, seramai 30 rombongan Pas Dun Chukai dan Ijrah Kebajikan Dewan Muslimat Dun Chukai diketuai pengarahnya, Hanafiah Mat turut menziarah mangsa sekeluarga dengan menyampaikan sumbangan tunai berjumlah lebih RM2,000 hasil kutipan derma kiat serta sumbangan pakaian seperti kain pelikat, kain batik dan tuala kepada Nazira sekeluarga pagi semalam.

Hadir sama Yang Dipertua Pas Kawasan Kemaman, Ismail Harun.



Keadaan rumah yang dihuni Nazira sekeluarga sejak sembilan tahun lalu kini hangus sama sekali.



Rumah yang dihuni Nazira sekeluarga sejak sembilan tahun lalu kini hanya tinggal rangka.



PADAM... anggota bomba memadamkan kebakaran rumah dan bengkel terbabit.

Berat hati ke rumah kakak

Sekeluarga tinggal sehelai sepinggang lepas kediaman, bengkel terbakar

>>>Oleh Mastura Abdul Manaf
am@hmetro.com.my

CHUKAI: Rasa berat hati seorang wanita untuk memenuhi jemputan membuka puasa di rumah kakak hagaiakan petanda dia bakal berdepan musibah apabila rumah dan bengkel kenderaan yang diusahakan suaminya musnah dalam kebakaran di Lorong 14, Kampung Besut, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 7.40 malam, keluarga terbabit tinggal sehelai sepinggang kerana gagal menyelamatkan harta benda dan dokumen penting selain tiga cereta dan sebuah motosikal milik pekerja yang diletakkan di

Fakta

Tiga kereta dan sebuah motosikal milik pekerja yang diletakkan di bengkel berkenaan turut hangus

bengkel berkenaan turut hangus dengan kerugian dianggarkan bernilai RM128,500.

Nazira Ismail@Kamal, 30, berkata, ketika kejadian dia bersama suami dan dua anak membuka puasa di rumah kakak di Kampung Mak Cili, di sini.

"Sudah seminggu saya dan keluarga membuka di rumah kakak kerana saya tidak larat

memasak memandangkan sarat mengandung, tetapi petang hari kejadian, hati saya terasa berat untuk pergi, namun kakak asyik menelefon menyuruh datang membuka puasa di rumahnya.

"Rani saja seminggu saya membawa turun semua perkakas rumah di ruang tamu ke dapur kerana tidak larat untuk turun dan naik.

"Ruang tamu di bahagian atas rumah dijadikan pejabat bengkel milik suami dan semua dokumen di ruang berkenaan dan barangan serta dokumen penting tidak dapat diselamatkan," katanya yang mengandung lapan bulan.

Sementara itu, suaminya, Saikri Ngah@Choh, 40, ber-

kata, dia bersama keluarganya meninggalkan rumah jam 6.30 petang untuk membuka puasa bersama keluarga kakak iparnya dan ketika keluar tiada apa-apa mencurigakan berlaku.

"Ketika membuka puasa, saya menerima panggilan telefon daripada jiran memaklumkan bengkel dan rumah saya terbakar sebelum berges pulang bersama abang ipar," katanya.

Pegawai Bomba Xanan II, Faizal Bomba dan Penyelamat Kemaman, Ramli Sidek berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 7.58 malam dan tiba enam minit kemudian di tempat kejadian.

"Punca kebakaran masih dalam siasatan," katanya.



Hanafiah (tiga kiri) bersama rombongan Lajnah Kebajikan Dewan Muslimat Dun Chukai membaca doa memohon dihindari musibah lagi ketika menziarahi mangsa pagi semalam.

03.08.2012

Patah balik untuk mati

Ikan paus spesies Balen seberat 10 tan terperangkap di kawasan air cetek muara Sungai Sitompak

>>Oleh Junaidi Ladjana dan Norasikin Danah
hnrkk@hmetro.com.my

KUALA PENYU: Usaha beberapa agensi kerajaan dengan kerjasama penduduk kampung gagal menyelamatkan nyawa seekor ikan paus seberat lebih 10 tan yang terperangkap dalam kawasan air cetek di muara Sungai Sitompak, dekat sini, kira-kira 200 meter dari sebuah limbungan kapal, semalam.

Penguasa Perikanan Daerah Kuala Penyu, Julin Bagang berkata, paus sepanjang kira-kira 17 meter spesies Balen itu ditemui pekerja Taman Pulau Tiga yang kebetulan melalui lokasi berkenaan untuk ke Pulau Tiga, kira-kira jam 9 pagi semalam, sebelum memakdumkan kepada pihaknya.

Menurutnya, spesies paus itu dikenal pasti selepas pihaknya merujuk kepada seorang pensyarah di Universiti Malaysia Terengganu.

"Kami sudah merujuk kepada pakar dan berdasarkan kriterianya, dipercayai ikan paus ini adalah spesies Balen," katanya.

Julin berkata, paus itu mati kira-kira jam 6 malam tadi selepas pihaknya mendapati tiada sebarang reaksi daripada mamalia itu.

Pada jam 8 malam (tadi), ikan itu sudah tidak bergerak, matanya kelihatan kabur dan nafasnya terhenti. Jadi, kami percaya ia sudah mati," katanya ketika dihubungi.

Sebelum itu, sejour dimaklumkan mengenai penemuan



TERDAMPAR...ikan paus ditemui tersadai di pesisir pantai berhampiran Kampung Binturu, Kuala Penyu.

paus berkenaan, Julin dan sembilan kakitangan Pejabat Perikanan bergegas ke lokasi di kawasan air sedalam kira-kira dua meter di muara Sungai Sitompak bersebelahan Kampung Palu-Palu.

Julin berkata, dia dan kakitangannya berusaha menghalau paus itu ke kawasan air dalam bagi menyelamatkannya dan berjaya melakukannya tiga jam selepas itu, namun mamalia itu berpatah balik beberapa minit kemudian.

"Selepas berpatah balik, paus berwarna hitam di ba-

hagian belakang dan putih di perut itu terperangkap semula di pantai kira-kira 300 meter dari lokasi kali pertama ditemui.

"Usaha mengeluarkannya dari kawasan itu diteruskan dengan bantuan nelayan dan penduduk kampung termasuk menariknya dengan tali menggunakan bot, namun usaha itu gagal," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, paus berkenaan kemudian terdampar kira-kira 20 meter dari gigi air yang surut menyebabkan usaha menariknya ke kawa-

san berair dalam sukar dilakukan.

"Bagi menyelamatkan ikan itu, kami dengan kerjasama nelayan dan penduduk kampung menyiramnya dengan air laut.

"Usaha itu turut dibantu beberapa anggota daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang tiba kira-kira jam 5.20 petang (semalam)," katanya.

Julin berkata, pemeriksaan pada paus berkenaan, mendapati ada beberapa luka kecil di badannya dipercayai akibat bergesel dengan batu

Siram berulang kali

KUALA PENYU: "Saya lihat ikan paus itu mulai kering dan memerlukan air untuk terus bernafas. Kerana kasihan saya sanggup berulang kali sejauh 20 meter dari tempat ikan itu terdampar untuk mengangkut air.

"Apabila saya menyiramnya, ikan paus itu seolah-olah mendapat nafas baru dan menghembus air," kata Liew Moy, 52, antara penduduk kampung menyaksikan penemuan ikan paus seberat lebih 10 tan ditemui tersadai di pesisir pantai berhampiran Kampung Rintimu, di sini, semalam.

Liew berkata, penemuan ikan paus ini adalah kejadian pertama kali dilihat sepanjang berada di kampung ini.

"Saya puas hati dapat membantu ikan itu bernafas

seperti sedia kala sementara menanti anggota bomba tiba untuk menyiram air ke arahnya.

"Ini pengalaman pertama melihat ikan sebesar ini," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Bagi Richard Jusni, 29, ini kali pertama dia melihat ikan sebesar dua kali ganda bot penambang dan terdampar di pesisir laut.

"Biasanya saya cuma lihat di kaca televisyen, tetapi tidak sangka hari ini kami bertuah melihat ikan paus dengan lebih dekat," katanya.

Sementara itu, Pegawai Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Kuala Penyu Sulaiman Yusof berkata, pihaknya tiba kira-kira jam 5.20 petang selepas menerima panggilan daripada Jabatan Perikanan.

dan kayu ketika memasuki kawasan air cetek di muara sungai berkenaan.

Penemuan paus dipercayai pertama kali di kawasan berkenaan turut menarik perhatian penduduk sekitar daerah ini.

Februari lalu, seekor bangka paus sepanjang kira-kira 13 meter ditemui terdampar di pantai Pulau Mengalum.

Faus terbesar pernah terdampar di Sabah dilaporkan pada 2006 menerusi penemuan seekor paus Bryde berukuran 24 meter panjang dan tiga meter lebar dengan berat

kira-kira 20 tan yang terperangkap di kawasan perairan cetek di Pulau Gaya, dekat Kota Kinabalu.

Mamalia itu bagaimanapun mati sehari selepas diselamatkan dan bangkainya dijumpai di lokasi sama ia ditemui nelayan.

Rangka haiwan itu kini disimpan di Museum Negeri sebagai bahan pameran.





INFO



Suami isteri rentung di FELDA Pasoh Satu


Sepasang suami isteri warga emas rentung selepas terperangkap di dalam rumah mereka yang terbakar dipercayai akibat litar pintas di FELDA Pasoh Satu. Dalam kejadian kira-kira jam 4.15 pagi itu, **Zahari Hasan, 79, dan isterinya Mariam Abd Latif, 69**, yang tinggal berdua di rumah itu dipercayai tidak sempat menyelamatkan diri kerana pangsang alat terhidu asap beracun. Kedua-dua mereka yang rentung 90 peratus tubuh kemudian ditemui terentang dengan jarak kira-kira lima meter daripada satu sama lain di ruang tamu rumah dua bilik

Disangka bunyi mercun

Beberapa letupan yang didengar pagi semalam disangka mercun tanpa mereka sedari rupanya rumah jiran sedang terbakar. Menceritakan kejadian itu, Siti Zaleha Abas, 61, berkata dia yang sedang menyiapkan juadah sahur menyangka letupan itu berpunca daripada kanak-kanak atau remaja di kawasan itu bermain mercun. "Namun, kemudian saya memikirkan takkanlah ada yang main mercun seawal itu. Saya rasa tidak sedap hati lalu keluar untuk melihat dan terkejut mendapati rumah jiran yang terletak tidak jauh sudah mula terbakar. Saya menjerit meminta tolong dan beberapa jiran keluar untuk membantu. Kami cuba menghampiri rumah sambil

memanggil nama mereka, namun tiada sahutan. Kami tidak dapat masuk kerana pintu jeriji berkunci," katanya kepada BH ketika ditemui di lokasi. Kali terakhir Siti Zaleha berjumpa Mariam adalah ketika menunaikan solat sunat tarawih di Masjid FELDA Pasoh Satu dan keadaan wanita itu dikatakan tidak ceria seperti selalu. Zaleha berkata, Mariam pernah menceritakan rumahnya dimasuki pencuri menyebabkan dia kerugian RM500 beberapa minggu lalu. Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, melawat rumah mangsa dalam lawatan berasingan pagi semalam untuk menyampaikan takziah.

ibu dan bapanya sudah meninggal dunia dalam kebakaran. Anak kelima daripada enam beradik itu berkata, kali bertemu ibu bapanya minggu lalu ketika mereka ke Kuala Lumpur untuk menyambut Ramadan bersama adik beradik yang tinggal di sana. Katanya, pada pertemuan itu ibunya berpesan supaya adik beradiknya tidak bergaduh berebut wang dan harta selepas ketiadaan mereka nanti. "Sepanjang di rumah kami, saya lihat ayah banyak diam. Ibu pula berhasrat untuk melihat kami semua berkumpul di rumahnya pada Aidilfitri nanti," katanya sebak.



5.46 PAGI api padam sepenuhnya

5.50 PAGI dua mangsa ditemui di ruang tamu



Anggota bomba membuat pemeriksaan di lokasi kebakaran di Tasek Alai. [AHMAD ISMAIL/ BH]

Sempat selamat baju raya sebelum ajal

Seorang bekas tentera laut sempat menyelamatkan baju raya sebelum ditemui mati selepas terperangkap dalam kebakaran yang memusnahkan rumah pusaka di Tasek Alai, di sini awal pagi semalam. Kejadian menimpa Ibrahim Alis, 52, yang tinggal sendiri itu dimaklumkan kepada abangiparinya, Nazir Abd Aziz, 73, oleh penduduk ketika berada di sarau, kira-kira satu kilometer dari rumah mangsa. Kejadian berlaku jam 5.20 pagi ketika waktu sahur. Sejurus sampai di rumah mangsa, Nazir mendapati beberapa helai baju baru yang dibelikan adik beradiknya untuk Ibrahim sempena Aidilfitri bertaburan, dipercayai sempat dikampak ke luar rumah ketika kebakaran. "Dalam api marak itu dan bimbangkan dia masih berada dalam rumah, saya hanya mampu menjerit dari jarak kira-kira 20 meter menyuruh Ibrahim segera keluar dari rumah yang sedang musnah terbakar tetapi dia tidak kelihatan. Selepas api dipadamkan, bomba menemui mayatnya di bahagian tengah rumah," katanya yang kali terakhir terserempak dengan Ibrahim sedang berdiri di tepi jalan utama di hadapan rumahnya. "Saya sempat menasihatkan dia agar berhati-hati kerana bimbangkan keselamatannya yang mempunyai masalah penglihatan. Dia baru dua hari pulang menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Dia duduk sendiri di rumah pusaka ibunya sejak berhenti tentera laut sekitar 1980-an kerana masalah kesihatan," katanya. Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Putra IOI, Penolong Penguasa Mohd Aizat Mamat, berkata beliau bersama 12 anggota dengan dua jentera yang dibantu Balai Bomba Jalan Abdullah, mengambil masa 20 minit mengawal kebakaran. Kebakaran memusnahkan keseluruhan rumah separa papan itu. Turut musnah sebuah motosikal serta sebuah lori kecil dan punca kebakaran masih diseliasat. Ketua Polis Daerah Segamat, Superintendent Hanafi Daud, berkata kematian mangsa diklasifikasikan sebagai kematian mengejut. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Buloh Kesap, Datuk Othman Jais turut melawat tempat kejadian.



Maya dibawa keluar dari tempat kebakaran.

Pasangan peneroka maut rumah terbakar

Rentung awal pagi

MUSNAH...

rumah pasangan
peneroka yang
terbakar pagi
semalam.

> "Ibu telefon ketika saya bersiap untuk bersahur, tapi saya tak sempat nak jawab. Saya hubungi semula ibu berkali-kali tapi gagal..." kata Ruzilawati Zahari, 38, anak pasangan Zahari Hasan, 77, dan Mariam Abd Latif, 67, yang mati dalam keadaan rentung selepas rumah mereka di Felda Pasoh 1, Negeri Sembilan terbakar awal pagi semalam.



AHAD

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI 5 OGOS 2012

BAYI MAUT NAHAS

Kemalangan di Simpang Kampung Semaloi, di KM2 Jalan Mersing-Endau mengorbankan bayi perempuan berusia tujuh bulan.

NASIONAL 26

Bayi korban nahas

>>Laporan dan foto ZUL KHWAN MUHAMMAD
in@metro.com.my

ENDAU: "Saya turun daripada lori sejurus kemalangan dan ketika itu, selain membantu dua mangsa yang tersepit di dalam kereta, orang ramai turut mengutip cebisan otak bayi yang melekat pada enjin kereta," kata Rizuan Ghozali, 28, semalam.

Rizuan yang bekerja sebagai pemandu lori membawa muatan kelapa sawit ditemui selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya dengan kereta dinaiki lima sekeluarga di Kilometer 2, Jalan Mersing-Endau, jam 11.15 pagi semalam.

Dalam kejadian itu, pemandu kereta, Lans Koperul Hazwan Harun, 43, yang juga anggota polis di Balai Polis Bandar Penawar, Kota Tinggi, cedera parah manakala isterinya, Normah Daud, 30-an, ibunya, Saemah Sulaiman, 68, dan bapanya, Harur, Ab Majid, 70, cedera dan



REMUK TERUK... keadaan kereta dan lori kelapa sawit yang terbabit dengan kemalangan di persimpangan.

dikejarkan ke Hospital Mersing untuk rawatan.

Anak perempuan pasangan itu, Idayatul Naziha berusia tujuh bulan, meninggal dunia di tempat kejadian akibat parah di kepala.

Ketika kejadian, keluarga berkenaan dikatakan dalam perjalanan dari Kota Tinggi ke kampung Hazwan di Gua Musang, Kelantan.

Kejadian dikatakan berlaku apabila Hazwan gagal me-

ngelak lori dipandu Rizuan.

Menceritakan kejadian, Rizuan berkata, tiba di simpang Kampung Semaloi, dia membelok ke kanan tetapi mendakwa, tiba-tiba teras bahagian kiri tayar belakang lori dirempuh dengan kuat, menyebabkan kenderaannya berpusing.

"Sejurus kemalangan, saya turun dari lori dan dapati pemandu serta penumpang di tempat duduk depan ke-

retanya tersepit.

"Pada masa sama, orang ramai cuba membantu kedua-dua mangsa iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan. Bayi berkenaan yang dipangku wanita terbabit sudah meninggal dunia," katanya.

Rizuan yang bekerja sebagai pemandu lori tiga bulan lalu, berkata ini kali pertama dia terbabit dalam kemalangan jalan raya.

"Saya bersyukur kerana terselamat, namun sedih dengan kejadian ini," katanya.

Kemalangan dikatakan berpunca apabila kereta dipandu Hazwan tidak sempat mengelak lori terbabit sebelum merempuh bahagian belakang.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Mersing, Deputi Superintendan Mohd Ncr Rasid ketika dihubungi, mengesahkan kejadian itu.

Remaja maut digilis lori

PDH: Seorang remaja maut dalam keadaan mengerikan apabila kepalanya pecah sejurus dirempuh dan digilis oleh sebuah lori dalam kemalangan berhampiran Jalan Lahat-Pasir Puteh, di sini, petang kelain.

Dalam kejadian jam 2.50 petang, Fong Kar kui, 16, dari Bandar Lahat Baru, Lahat, yang menunggang motosikal dipercayai dalam perjalanan pulang ke rumah sebelum dirempuh sebuah lori percayai dari arah Pasir Puteh ke Lahat.

Ketua Bahagian Ketenteraman Awam dan Trafik Daerah Ipoh, Deputi Superintendan Wan Sharuddin Wan Omar berkata, mangsa yang cedera parah di kepala mat di tempat kejadian.

"Mayat mangsa dibawa ke Hospital Raja Permaisuri Bairun (HRPB), Ipoh, untuk bedah siasat," katanya.

Menurut Wan Sharuddin, motosikal mangsa remuk teruk manakala pemandu lori tidak cedera.

Lelaki tersepit akibat kemalangan ditemui rentung

GOPENG - Seorang lelaki rentung selepas terperangkap di dalam keretanya yang terbakar setelah terlitat dalam kemalangan di Kilometer 17, Jalan Ipoh-Kuala Lumpur berhampiran Pusat Transformasi Luar Bandar di sini semalam.

Dalam kejadian 1.30 pagi itu, kereta yang dipandu P. Srinivasan (gambar kecil), 26, dari Taman Timur, Kampar dekat sini terbabas lalu merempuh sebuah lori

membawa muatan tilam dari arah bertentangan.

Ketua Polis Daerah Kampar, Superintendan



Ng Kong Soon berkata, pemandu lori berkenaan yang dikenali sebagai Mohd. Nor-dan Enoh, 50, dan kelindannya ter-selesai.

"Serasa kejadian kereta dipandu Srinivasan yang dalam perjalanan pulang ke rumah dari Ipoh terbabas hingga memasuki laluan bertentangan sebelum merempuh sebuah lori

membawa muatan tilam.

"Rempuhan itu menyebabkan kedua-dua kenderaan terbakar dan mangsa yang tersepit di tempat duduk pemandu gagal menyelamatkan diri," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Kong Soon berkata, anggota bomba dan penyamat berjaya memadamkan kebakaran tersebut pada pukul 3.36 pagi.

Menurut beliau, mayat mangsa telah dibawa ke Unit Forensik Hospital Kampar dekat sini untuk bedah siasat.



ANGGOTA bomba melihat mayat Srinivasan yang rentung di Goeng semalam.

Kanak-kanak maut ketika ikut bapa, kakak hantar tempahan kuih raya

Sambut raya tanpa anak bongsu

Oleh FARIK SALLEH
berita@kosmo.com.my

KOTA TINGGI - Ramai hati seorang ibu apabila terpaksa menerima hakikat yang raya tahun ini bakal disambut tanpa anak bongsu lelaki di sisinya apabila kanak-kanak berusia dua tahun itu maut dalam kemalangan di Kilometer 36.5 Jalan Johor Bahru-Mersing berhampiran simpang Paser Borong Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) di sini kelmarin.

Kejadian pukul 2.15 petang itu menyebabkan Muhammad Farhan Effendy yang parah di kepala maut ketika menerima rawatan di Hospital Kota Tinggi (HKT) di sini.

Sebelum kejadian, kanak-kanak itu bersama kakaknya, Nur Farhani, 6, menaiki kereta jenis Perodua Kelisa dipandu bapanya, Effendy Jumaat, 34, untuk menghantar tempahan kuih raya ke Johor Bahru. Turut maut dalam kejadian itu ialah seorang guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Pelepas, Mohamed Azrul Baharin, 28, yang memandu kereta Proton Gen 2.

Kejadian berlaku apabila kedua-dua kereta



MCHAMAD AZRUL



EGINILAH keadaan kereta Perodua Kelisa dan Proton Gen 2 yang terlibat dalam kemalangan hingga mengakibatkan Muhammad Farhan dan Mohamed Azrul maut di Kota Tinggi kelmarin.

yang datang dari arah bertentangan bertembung sebaik tiba di tempat kemalangan. Effendy dan Nur Farhani cedera parah dan kini dirawat di HKT.

Ibu mangsa, Norzachi Akbarillah, 21, memberitahu, dia tidak menyangka tindakan anak bongsunya yang kurang bercakep sejak akhir-akhir ini menjadi petanda yang dia akan pergi buat selama-lamanya.

"Saya reda dengan kejadian ini dan meng-

anggap ia sebagai dugaan Tuhan buat saya menjelang 1 Syawal. Tuhan lebih menyayangi anak saya," ceritanya sambil menahan sebak.

Sementara itu, ibu Mohamed Azrul, Zaini Said, 53, memberitahu, arwah dalam perjalanan untuk mengambillya untuk pergi ke satu majlis terbuka puasa di dewan serbaguna Felda Linggi di sini.

"Arwah merupakan anak harapan setelah bapanya meninggal dunia tiga tahun lalu,"



MUHAMMAD FARHAN (kanan) maut manakala kakaknya, Nur Farhani parah dalam kejadian itu.

katanya sambil menangis teresak-esak.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendent Che Mahazar Che Ali memberitahu pihaknya masih menyiasat punca sebenar kejadian itu. Jenazah Muhammad Farhan dikebumikan di kampung kelahiran bapanya di Kampung Sungai Telor di sini manakala jenazah Mohamed Azrul dikebumikan di Kampung Semanggar Dalam di sini.

Lelaki pekak, bisu ditemui rentung

GEORGE TOWN - Seorang wanita trauma selepas menyaksikan bagaimana jirannya menemui ajal dalam keadaan menyeksa apabila lelaki berstatus Orang Kelainan Upaya itu terbakar hidup-hidup sebelum ditemui rentung dalam kebakaran di Jelutong di sini semalam.

Chin Siew Yong, 50, memberitahu, masih terngiang-ngiang di fikirannya bagaimana Lee Kean Meng, 60, cuba menjerit dan melambai-ambai minta diselamatkan selepas rumah yang didiami seorang diri itu terbakar pada pukul 3.10 pagi. Mangsa pekak dan bisu sejak lahir.

Katanya, penduduk tidak berani untuk menyelamatkan Kean Meng kerana api begitu marak selain rumah



ANGGOTA bomba melihat mayat Kean Meng yang rentung dalam kebakaran di Jelutong, George Town semalam.

papan itu dipenuhi asap tebal.

"Kean Meng cuba membuka pintu depan rumah dan pada masa sama saya

nampak riak muka dan lambainya minta diselamatkan melalui tingkap.

"Ketika itu, saya nampak dia sudah meronta-ronta

kerana panas sebelum dia akhirnya rebah dan tidak lagi bergerak di ruang tamu," ceritanya ketika ditemui semalam.

Tambahnya, beberapa minit kemudian, bomba tiba tetapi sudah terlambat untuk menyelamatkan mangsa yang telah rentung itu.

Sementara itu, Ketua Operasi Bomba dan Penyelamat Jalan Perak, Yamin Tekor berkata, hampir 90 peratus rumah telah terbakar sebaik pihaknya tiba dalam tempoh dua minit selepas menerima panggilan pada pukul 3.22 pagi.

"Berdasarkan penemuan mayat, kita percaya mangsa cuba menyelamatkan diri melalui pintu depan tetapi gagal kerana terperangkap dalam asap tebal dan api marak," katanya.

10.08.2012



Anggota bomba memadamkan kebakaran rumah di Lorong Aman 3, Kampung Jabur Kubur, Kemaman. [FOTO MASTURA ABDUL MANAF/BH]

Persiapan Aidilfitri musnah

Chukai: Persiapan Aidilfitri yang baru dibeli sebuah keluarga semalam menjadi abu apabila kediaman mereka di Lorong Aman 2, Kampung Jabur Kubur, dekat sini, musnah terbakar pada jam 9 pagi semalam.

Kejadian ketika mangsa, Abdullah Sulong, 65, sedang membersihkan halaman sebelum melihat api marak di bahagian belakang rumah. Dia segera menyuruh isteri, Siti Hamdan, 59, yang sedang membasuh pakaian

dan tiga anak mereka berusia 21 hingga 26 tahun yang berada di dalam rumah keluar menyelamatkan diri.

"Persalinan Aidilfitri tiga anak serta dana hari raya yang baru diterima kelmarin (semalam) bersama wang simpanan tidak sempat diselamatkan, kecuali kusen yang baru dibeli.

"Bagaimanapun, saya bersyukur kerana semua ahli keluarga selamat," katanya yang tinggal di situ sejak 26 tahun lalu.

158 PENUMPANG
had bagi satu perjalanan

183 PENUMPANG
ketika kejadian



Pasukan penyelamat menurunkan penumpang monorel yang terkandas di Brickfields. (FOTO MOKHSIN AEDIN/BH)

Tindakan pemandu monorel dipuji

KUALA LUMPUR - Pengendali perkhidmatan KL Monorel, KL Star Rail Sdn Bhd memuji tindakan yang diambil oleh pemandu, Mohd Faizal Mohd Fahmi, yang bertindak profesional dan mengikut Operasi Standard Prosedur (SOP) dalam kejadian 183 penumpang terperangkap dalam monorel, kelmarin.

Ketua Pegawai Operasinya, Abdul Hadi Amran berkata, pemandu terbabit melakukan tindakan profesional walaupun beberapa penumpang tidak berpuas hati dan memaksa pemandu berkenaan membuka pintu, atau bertindak sendiri memecahkan tingkap untuk udara masuk.

"Monorel itu berada di kedudukan condong di ketinggian tidak kurang daripada 30

kaki, ia berbahaya jika pintu monorel itu dibuka kerana berkeungkinan penumpang akan jatuh.

"Anggota bomba tiba dengan enam jentera ke lokasi untuk operasi menyelamat dan membantu mengeluarkan mangsa terperangkap," katanya.

Mengulas mengenai kejadian kelmarin, Hadi berkata, latihan simulasi Prosedur Respons Kecemasan (ERP) yang diadakan setiap tahun benar-benar membantu dan melicinkan operasi menyelamat.

"Kami berjaya mengeluarkan kesemua mangsa dan tiga penumpang yang memerlukan rawatan perubatan di Hospital Kuala Lumpur. Kami bersyukur kerana kejadian itu tidak meragut nyawa



Operasi menyelamat yang dilakukan pihak bomba, kelmarin.

penumpang," katanya.

Hadi berkata, kakitangannya mendapat manfaat daripada latihan ERP yang dijalankan bersama Jabatan Bomba dan Peryclamat, polis, hospital dan Ikatan Relawan Rakyat (Rela). Dalam kejadian pada jam 2

petang itu, monorel berkenaan dikatakan berhenti mengejut di tengah laluan antara Stesen KL Sentral dan ke Stesen Tun Sambanthan. Operasi menyelamat melibatkan 47 anggota dan selesai sepenuhnya jam 4 petang.

Bomba: Operasi tempat tinggi bahaya

SHAH ALAM - Kedudukan landas monorel yang tinggi menyukarkan pasukan bomba dan penyelamat untuk memindahkan mangsa selepas terperangkap dalam gerabak pergangkutan awam itu petang, kelmarin.

Penguasa Bomba, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Ahmad Zaiki Safuan berkata, dengan ketinggian mencecah 25 meter,

lima jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Ilang Tuah, Taman Desa, Pantai Hartamas dan Sentul dengan kekuatan 47 anggota tiba di lokasi untuk operasi menyelamat dan mengeluarkan mangsa terperangkap.

Menurutnya, 12 anggota ditempatkan di dalam monorel bagi menenangkan keadaan mangsa dan memantau keadaan bagi memudahkan

operasi memindahkan mereka ke sebuah lagi monorel sementara sebahagian mangsa dikeluarkan menggunakan tangga.

"Kita terpaksa memecahkan kaca cermin monorel kerana tiada ruang udara dan ada di antara mangsa yang mengalami sesak nafas.

"Kita perlu melakukan operasi dengan berhati-hati bagi mengelak kemalangan

jiwa kerana tempat kejadian yang tinggi," katanya.

Beliau berkata, tiga mangsa dikejarkan ke hospital akibat sesak nafas dan cedera ringan kerana tertera serpihan kaca di kaki.

Menurutnya, operasi tersebut berjaya kerana tiada kecederaan serius dilaporkan selain persediaan penuh anggota dalam menghadapi situasi tersebut.



Penumpang yang terperangkap dibawa turun oleh bomba.

183 penumpang monorel terperangkap

"Bagai dalam ketuhar"

>>Oleh MOHD FIRDAUS IBRAHIM
mfirdaus@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Kami bagaikan berada dalam ketuhar dan sukar bernafas," kata Mohd Muhaimi Azraie, 15, menceritakan detik cemas dia dan 182 penumpang terperangkap lebih sejam dalam gerabak K1 Monorel yang terkandas berhampiran Kompleks Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) Brickfields di sini, semalam. Dalam kejadian kira-kira jam 2 petang itu, tiga penumpang termasuk seorang wanita hamil berusia lewat 30-an tercedera dan terpaksa dikejarkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini, untuk rawatan susulan kerana sesak nafas serta terkena serpihan kaca.

Menceritakan pengalamannya, Muhaimi berkata, gerabak itu yang dalam perjalanan dari KI Sentral ke pusat bandar raya tiba-tiba terkandas menyebabkan semua penumpang terperangkap.

"Ada beberapa penumpang menjerit apabila monorel terhenti tiba-tiba dan saya dapat rasakan gerabak itu senget.

"Pada masa itu, saya lihat pemandu monorel itu sibuk memeriksa kerosakan, tapi selepas lebih 20 minit, dia masih gagal membaikinya," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, semalam.

Menurutnya, keadaan menjadi semakin buruk apabila ada penumpang menangis dan mengalami sesak nafas malah ada yang pengsan.

"Kami bernasib baik apabila anggota bomba dan penyelamat datang membantu me-

ngeluarkan kami," katanya.

Ketua Operasi Bomba dan Penyelamat, Ahmad Zaidi Safuan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 2.19 petang memaklumkan ada mangsa terperangkap dalam gerabak monorel.

Berikutan itu, katanya, sepasukan 47 anggota bomba bersama enam jentera dikerjakan ke tempat kejadian dan tiba kira-kira 10 minit kemudian bagi menjalankan operasi menyelamat.

"Tindakan pertama kami ialah menghantar anggota ke atas untuk memecahkan tingkap gerabak bagi membolehkan udara masuk dan mengurangkan kepanasan.

"Seterusnya kami menggunakan tangga cakera putar (ITL) untuk menurunkan mangsa dari landasan pada ketinggian kira-kira 25 meter.

"Operasi ini sebagai berjaya kerana tidak mengalami sebarang kesukaran, malah pihak pengurusan monorel turut memberi kerjasama," katanya.

Katanya, seramai 63 mangsa dikeluarkan anggota bomba, manakala 120 penumpang lagi dipindahkan ke



PERLAHAN LAHAN...penumpang monorel keluar dari gerabak monorel menggunakan tangga dan TTL sambil dipantau Bomba.

Stesen Monorel Tun Sambanthan yang terletak kira-kira 200 meter dari tempat kejadian oleh Pasukan Kecemasan KL Monorel.

"KL Monorel mempraktikkan segala prosedur kecemasan yang dipejajari dalam latihan bersama kami sebelum ini bagi menghadapi kemungkinan," katanya.

Katanya, punca sebenar kejadian masih dalam siasatan, namun tidak menolak kemungkinan ia berpunca dari masalah teknikal.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Wan Bari Wan Abdul Khalid mengesahkan tiga penumpang cedera dan dihantar ke HKL bagi mendapatkan rawatan.

"Dua penumpang cedera terkena serpihan kaca tingkap yang dipecahkan ketika usaha membawa mereka keluar dari gerabak," katanya.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my

Persiapan raya hangus

DAYAN LEPAS: "Saya terkejut dan sedih...dalam sekelip mata rumah saya musnah dilat api. Lebih memikikan, semua persiapan untuk hari raya termasuk baju dan kuih-muih hangus dalam kebakaran ini," kata Ghayah Ahmad, 65, mangsa kebakaran di Kampung Nelayan, Teluk Kumbar, di sini kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang itu, rumah Ghayah bersama seorang lagi jirannya musnah dalam kebakaran itu.

Difahamkan, kedudukan rumah yang rapat selain diperburuk dari papan menyebabkan api mudah marak sekali gas memusnahkan kedua-dua rumah terabit dalam tempoh singkat.

Ghayah berkata, ketika kejadian dia berada di ruang tamu rumah sebelum terdampak api dari rumah jiran.

"Sejurus terdampak api itu, saya berusaha keluar dari rumah untuk menyelamatkan



MUSNAH...dua rumah papan di Kampung Nelayan, Teluk Kumbar musnah dalam kebakaran petang kelmarin.

diri. Saya tidak sempat menyelamatkan apa-apa barang kerana kejadian berlaku pantas," katanya.

Sementara itu, jurucakap bomba berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 3.03 petang dan mengambail masa lapan minit untuk memadamkan kebakaran itu.

"Siasatan awal mendapati jumlah kerugian dianggar-

kan bernilai RM30,000 dan punca sebenar kebakaran masih disiasat. Bagaimanapun tiada keinsafan jiwa dilaporkan," katanya.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my

Terbaring dalam rumah terbakar

JASIN: Seorang lelaki nyaris maut apabila terperangkap selepas rumah didiaminya di Kampung Meriang, Nyalaz, dekat sini musnah terbakar, malam kelmarin.

Bagaimanapun, mangsa, K Apoo, 44, bernasib baik apabila dia yang dalam keadaan lemah dan terbaring di ruang tamu rumah itu ditemui sebelum diselamatkan anggota bomba.

Mangsa dipercayai gagal menyelamatkan diri kerana sesak nafas akibat terhidu asap tebal dalam kebakaran yang memusnahkan dua bilik rumah berkenaan.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Jasin, Tumiran Kimen berkata, pihaknya menerima panggilan jam 10.14 malam dan tiba di tempat kejadian beberapa minit kemudian.

Katanya, sembilan anggota dengan dua jentera masing-masing dari Balai Jasin dan Jasin Bestari dikejarkan ke lokasi.



NGERI...anggota bombe mengeluarkan jonzah mangsa yang berada di bawah treler.

REMUK...anggota polis memeriksa motosikal mangsa yang digilis treler.

>>Oleh Iskandar Shah
Mohamad
iskandar@hmetro.com.my

MELAKA: Perjalanan seorang pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Temu untuk membeli baju raya bertukar tragedi berdasah apabila dia maut selepas motosikal ditunggangnya terbabit dalam kemalangan dengan dua kenderaan lain di Lebuhraya Ayer Keroh berhampiran Hospital Pantai di sini, malam kelmarin.

Lebih memilukan Muhammad Nazhif Sharif, 17, dikatakan terseret sejauh kira-kira 50 meter oleh treler membawa muatan jubin lantai dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Difahamkan, dalam kejadian jam 10 malam itu, anak sulung daripada enam beradik yang menunggang motosikal jenis Yamaha SS datang dari arah Ayer Keroh menuju ke pusat bandar.

Sejurus tiba di lokasi kejadian, motosikal itu dipercai hilang kawalan lalu melanggar belakang sebuah kereta Proton Wira menyebabkan mangsa terjatuh dan dia diseret sebuah treler yang berada di laluan berkenaan

'Tiada semangat untuk beraya'

Pelajar tingkatan lima maut diseret treler selepas jatuh motosikal

menyebabkan cedera parah di badan dan kepala.

Rakan mangsa, Ng Kek Leng, 16, berkata dia dan dua rakananya termasuk mangsa baru pulang dari sebuah pusat beli-belah di Ayer Keroh.

"Dia (mangsa) ketika itu mahu membeli baju raya namun tiada yang berkenan di hatinya lalu mengajak kami pergi ke Bazar di Taman Cempaka, Peringgi," katanya yang menunggang motosikal jenis Yamaha LC bersama seorang rakan se-usianya.

Menurutnya, ketika melalui jalan itu, dia tersentak melihat mangsa terjatuh dan diseret treler itu.

"Saya menjerit sekuat hati meminta kenderaan berke-

naan berhenti. Kami berdua turut terjatuh dan saya cedera di tangan.

"Sejurus kemalangan itu, saya melihat mangsa sudah berada di bawah treler terbabit, seolah-olah tidak bernyawa lagi," katanya sebab ketika ditemui di tempat kejadian, kelmarin.

Sementara itu, bapa mangsa, Sharif Kaseh, 46, ketika ditemui di Bilik Mayat Hospital Melaka berkata, anaknya dilihat kali terakhir ketika memberi kad tambah nilai di rumah mereka di Kampung Solok Bukit Baru, Duyong, di sini, kira-kira jam 8.30 malam kelmarin.

"Kad tambah nilai itu dikirim isteri, Yatimah Yusof, 43, namun dia (mangsa) memberitahu supaya tidak

perlu membayarnya. Muhammad Nazhif diberi wang untuk membeli baju raya lalu keluar dari rumah.

"Tidak lama kemudian, saya menerima panggilan daripada ahli keluarga memaklumkan dia terbabit kemalangan di sekitar Hospital Pantai. Saya sangka dia berada di hospital dan terkejut apabila melihat tubuhnya berada di bawah treler terbabit," katanya, semalam.

Menurut pekerja kilang itu, anaknya yang bekerja sambil menjual air di bazar sebelum ini sudah membeli baju raya namun menghadihkannya kepada adiknya, Muhammad Zuhilmi, 10.

"Apabila diminta ibunya

supaya membeli baju baru, dia memberitahu tidak bersemangat untuk beraya pada tahun ini. Saya tidak menyangka ia menjadi petanda awal tragedi ini dan hanya mampu reda dengan ketentuan Ilahi," katanya.

Jenazah Allahyarham dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Solok Bukit Baru, Duyong.

Ketua Jabatan Ketenteraman Awam dan Trafik negeri, Superintendan Ahmad Adnan Basri ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian itu.

Lima sekeluarga terbunuh dalam kemalangan ngeri selepas beli baju raya

Mati serentak menjelang Aidifitri

Oleh FIRDAUS HASSAN
firdaus.hassan@kosmo.com.my

LAWAS - Hari Raya Aidifitri yang dijanjikan disambut pada Ahad ini memberi makna yang memilukan buat sebuah keluarga apabila lima ahlinya menemui ajal selepas van yang mereka naiki terlibat dalam kemalangan ngeri di Kilometer 5, Jalan Sundar-Terusan di sini kelmarin.

Kejadian pukul 5.50 petang itu mengakibatkan Mohd. Tafiq, 45; Nur Khairunisa Nazwa Omar, 17; Zaimah Mohd. Taib, 12; dan Nurul Husna Izzati Imbran, 17, maut di tempat kejadian manakala ibu Nur Khairunisa Nazwa, Mariah Awang, 37, meninggal dunia di Hospital Lawas.

Kesemua mereka menaiki sebuah van jenis Toyota Hiace bersama tujuh ahli keluarga lagi yang dipandu Mohd. Tafiq.

Kemalangan berlaku apabila van itu terbabas lalu merempuh sebuah pembetung air yang terletak di bucu jalan.

Sebelum kejadian, mereka dalam perjalanan pulang ke rumah di Kampung Awat-Awat di sini selepas membeli kelengkapan raya di pekan Sipitang. Jarak antara dua tempat itu kira-kira 50 kilometer.

Difahamkan, sebelum membeli-belah, Mariah bersama suami, Omar Abdul Rahman, 40-an, pergi ke pekan Sipitang untuk menjemput Nur Khairunisa Nazwa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Gadis itu menuntut di Politeknik Kuching, Sarawak.

Ketua Polis Daerah Lawas, Deputy Superintendan Fauzilan Abdul Aziz berkata, sebaik



Kawasan kemalangan yang menjadi lokasi lima maut di Lawas, Sarawak.

tiba di simpang Lubok Batong, Sundar di sini, van yang dinaiki 12 beranak tersebut telah hilang kawalan lalu terbabas ke kiri. Van itu dipercayai dipandu laju.

Katanya, sebaik terbabas, kenderaan tersebut telah merempuh satu pembetung air.

"Lima daripada mangsa termasuk pemandu maut di tempat kejadian manakala seorang lagi meninggal dunia di hospital.

"Tiga lagi ahli keluarga mangsa parah dan kini dirawat di Hospital Kota Kinabalu manakala empat yang lain masih menerima rawatan di Hospital Lawas," katanya.

Tambahnya, kesemua mangsa selamat dikeluarkan di Kampung Awat-Awat semalam dan polis masih menyiasat punca sebenar kejadian.

Lima daripada mangsa termasuk pemandu van maut di tempat kejadian manakala seorang lagi meninggal dunia ketika dirawat di hospital

FAUZILAN ABDUL AZIZ



ANGGOTA bomba mengeluarkan mayat mangsa-mangsa yang terlibat dalam kemalangan di Jalan Sundar-Terusan, Lawas kelmarin.

Budak mati diseret lori

TEMERLOH - Seorang ibu tidak menyangka regekan anaknya yang berya-ya mau ke kedai untuk membeli mainan yang berharga 50 sen menjadi petanda yang kanak-kanak itu akan menemui ajal apabila diseret sebuah lori kelmarin.

Kejadian pukul 7.40 malam di Temerloh, Tualang Indah dekat kawasan perindustrian Temerloh itu mengakibatkan Khairul Azmi Abdul Rashid, 3, mati di tempat kejadian selepas terperosok di bawah perut kenderaan berat tersebut bersama basikalnya.

Kanak-kanak itu cedera parah di kepala dan badan.

Menurut Pemangku Ketua Polis Daerah Temerloh, Superintendan Zurdin Mahmood, sebelum kejadian, kanak-kanak itu dikatakan merengek-rengok dengan ibunya meminta izin ke kedai untuk membeli mainan yang berharga 50 sen.

"Sebaik sampai di kedai yang terletak berdekatan dengan rumahnya, dia telah dilanggar dan diseret lori tersebut. Ketika itu pemandu kenderaan berat berusia 36 tahun tersebut hendak meneruskan perjalanan selepas membeli rokok di kedai tersebut.

"Pada masa sama dia mendengar bunyi seretan di bawah kenderaannya sebelum dia berhenti dan turun untuk membuat pemeriksaan. Sebaik men-



ANGGOTA polis memeriksa mayat Khairul Azmi yang maut dalam nahas di Temerloh kelmarin.

jengah, dia terkejut apabila mendapati sebuah basikal kecil berada di bawah lori manakala mangsa pula terbaring," katanya kepada pemberita di sini.

Tambahnya, mangsa disahkan mati di tempat kejadian dan mayatnya di bawa ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah untuk bedah siasat. Khairul Azmi selamat dikebumikan semalam.

"Pemandu lori tersebut telah diambil keterangan dan sudah menjalani ujian alkohol. Lori tersebut pula dihantar ke Puspakom untuk diperiksa," kata Zurdin yang memberitahu kes itu disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

3 temui ajal bila bas terbalik

KINABATANGAN - Hasrat 38 penumpang sebuah bas ekspres untuk pulang beraya berkecai apabila tiga daripada mereka maut selepas kenderaan tersebut terbabas sebelum terbalik dalam kejadian di Kilometer 121, Jalan Sandakan-Lahad Datu dekat Kampung Paris 2 di sini semalam.

Kejadian pukul 2.50 pag; itu mengakibatkan Usman Sulaiman, 46, dari Tawau, Jahar Maidin, 54, dari Alor Gajah, Melaka dan Ardian Shah Osman dari Tawau maut di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala dan badan.

Difahamkan, sebelum ke-

jadian, kesemua mangsa dalam perjalanan dari Kota Kinabalu ke Tawau untuk pulang ke kampung halaman masing-masing menyambut raya.

Kemalangan berlaku apabila bas ekspres yang turut membawa 31 pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan tujuh orang awam itu terbabas lalu terbalik ke kanan ketika cuba memotong kenderaan lain di hadapannya. Mereka yang maut merupakan orang awam.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Harza Taib berkata, kejadian itu turut menyebabkan empat penumpang lain

cedera parah dan kini dirawat di Hospital Lahad Datu dan Hospital Kinabatangan.

"Siasatan awal mendapati bas tersebut dalam perjalanan menuju ke Tawau dari Kota Kinabalu sebelum hilang kawalan dan terbabas," katanya pada sidang akhbar di Kota Kinabalu semalam.

Sementara itu, sumber memberitahu, salah seorang daripada mangsa yang maut dikeluarkan oleh orang awam sejurus kejadian berlaku.

"Dua lagi mangsa terpaksa dikeluarkan oleh pasukan penyelamat apabila mereka terselit di celah kerusi bas berkenaan," ujarnya.



BEGINILAH keadaan sebuah bas ekspres yang terlibat dalam kemalangan hingga mengakibatkan tiga maut di Kilometer 121, Jalan Sandakan-Lahad Datu, Kinabatangan kelmarin.

Tragedi memukat ikan

Adik hanya mampu melihat abang terkapai-kapai sebelum lemas

MOHD TAHA YAACOB

KAMPUNG TOK RAJA - "Saya amat sedih dengan kejadian ini kerana pa abang saya yang lemas dan gagal diselamatkannya," kata Muhammad Zaman Shafie, 20, menceritakan detik cemas melihat abangnya, Sharimi Shafie, 29, tenggelam ketika mereka memukat ikan di Sungai Besut dekat Kampung Tok Raja, Jerih.

Menurutnya, kejadian berlaku jam 12.45 tengah hari kelmarin ketika dia bersama mangsa, seorang mekanik dan beberapa ahli keluarga lain pergi ke sungai itu untuk memukat ikan.

Katanya, sebata di tempat kejadian, abangnya bersama dua sepupunya, Mohd Zikry Yaacob, 15, dan Mohd Faizal Ismail, 28, telah berenang untuk menyeberangi sungai tersebut kerana ingin memukat ikan.

"Bagaimanapun setibanya di tengah sungai, abang saya dan Mohd Zikry telah lemas. Bagaimanapun Mohd Zikry berjaya diselamatkan Mohd Faizal tetapi abang saya terkapai-kapai sebelum tenggelam," katanya.

Muhammad Zaman berkata, ketika kejadian dia berada di dalam perahu di tebing sungai dan sebaik melihat kejadian itu, dia berusaha pergi membantu abangnya.

Namun disebabkan pe-



SHARIMI SHAFIE

rahu yang dinaikinya tidak mempunyai pendayung, dia terpaksa mengerah tenaga menggunakan tangan untuk mendarung, menyebabkan pergerakan perahu amat perlahan sedangkan abangnya berada kira-kira 30 meter daripadanya.

"Sebaik menghampiri tempat abang saya tenggelam, saya dapati badannya timbul seketika di atas permukaan air dan saya berusaha mendapatkannya namun gagal, sebelum abang tenggelam semula dan tidak ditemui lagi," katanya. Mangsa berasal dari Kampung Baloh dekat Alor Lintang di sini.

Muhammad Zaman berkata, laporan polis terus dibuat sejurus kemudian dan operasi mencari dilakukan.

Dia mengakui amat sedih dengan kejadian itu kerana sebelum kejadian, abangnya yang mempunyai tiga arak



Muhammad Zaman (tengah) mengusung mayat abangnya naik ke tebing selepas ditemui petang semalam.



Mayat mangsa dibawa ke Hospital Besut untuk dibedah siasat.

tidak menunjukkan sebarang perubahan pelik, selain beria-ia untuk ke tempat kejadian.

Sementara itu Ketua Polis

Daerah Besut, Superintendan Kamaruddin Mohd Zakaria ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan pada

jam 1.25 petang mengenai kejadian itu.

Menurutnya, sepasukan pasukan penyelamat terdiri daripada pasukan polis, bomba dan penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dibantu penduduk kampung telah melakukan gerakan mencari dan menyelamatkan mangsa.

"Mayat mangsa akhirnya ditemui di dasar sungai kira-kira 15 meter dari tempat dia dipercayai lemas pada jam 6.05 petang.

"Mayat dibawa ke Hospital Besut dan hasil bedah siasat, doktor mengesahkan mangsa mati akibat lemas," katanya.

Kecoh luar stadium lepas perlawanan bola sepak

KUALA TERENGGANU - Pertemuan dua musuh tradisi, Terengganu dan Keantan dalam perlawanan pertama saingan Piala Malaysia di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, malam kelmarin bukan setakat panas di dalam stadium.

Sebaliknya ia terbawa-bawa ke luar stadium selepas perlawanan berakhir, apabila penyokong kedua-dua pasukan difahamkan saling 'berperang mulut' sebelum ma-

sing-masing bertindak agresif dan bertumbuk serta memukul antara satu sama lain.

Sebahagian penyokong Kelantan kemudiannya melarikan diri ke dalam kawasan balai polis.

Bagaimanapun, difahamkan tiada kemalangan jiwa berlaku dan sepesukan anggota polis bertugas berjaya menenteramkan keadaan selepas beberapa minit kejadian.

Dalam kejadian itu, difahamkan be-

berapa penyokong skuad Penyu dan skuad Kijang ditahan namun dibebaskan selepas disiasat dijalankan.

Bagaimanapun, seorang lelaki berusia 32 tahun dari Kampung Padang Nanas, di sini, ditahan selepas didapati positif dadah hasil ujian awal saringan air kencing yang dilakukan terhadap semua penyokong yang ditahan sebelum itu.

Semalam pula, Pendaftar Mahkamah Sesyen, Roslia Nik me-

ngeluarkan perintah tahanan reman selama empat hari kepada suspek untuk disiasat di bawah Seksyen 15 (1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) yang memperuntukkan denda tidak lebih RM5,000 atau penjara tidak lebih dua tahun.

Dalam perlawanan malam kelmarin, Terengganu berjaya menundukkan seteru tradisi, Kelantan 2-0 pada perlawanan pembukaan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Mekanik mati lemas ketika memukat ikan di sungai

BESUT - Seorang mekanik mati lemas ketika memukat ikan di Sungai Besut berhampiran Kampung Tok Raja dekat sini kelmarin.

Sharimi Shafie, 29, dari Kampung Alor Lintang dekat sini sebelum itu pergi ke sungai bersama dua sepupu dan adiknya.

Menurut polis, dalam kejadian pukul 12.45 tengah hari itu, mangsa yang sedang berenang bersama sepupunya berumur 15 tahun di tengah sungai didapati terkapai-kapai sebelum lemas.

Adik mangsa yang berada di tebing sungai bergegas ke tempat

kejadian, menggunakan sebuah perahu dan berjaya membawa sepupunya ke tebing dan apabila pergi semula ke lokasi kejadian, Sharimi didapati hilang.

"Selepas menerima laporan, gerakan mencari mangsa dijalankan hampir lima jam melibatkan polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam dan penduduk kampung sebelum mayatnya ditemui di dasar sungai tidak jauh dari tempat kejadian," katanya.

Mayat mangsa dihantar ke Hospital Besut untuk bedah siasat sebelum dituntut keluarga.

Ketua Polis Daerah, Superintendan Kamaruddin Mohd Zakaria ketika dihubungi berkata, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

Sementara itu bapa mangsa, Shafie Hassan, 66, berkata, dia dalam perjalanan ke Kota Bharu, Kelantan apabila dihubungi melalui telefon memaldumkan kejadian yang menimpa anak kelima daripada lapan beradik itu.

Katanya, mangsa ke kampung itu pada pukul 9 pagi bersama lima ahli keluarganya dan dia turun ke sungai bersama sepupunya yang berpaut di belakang.



ANGGOTA penyelamat mengusung mayat Sharimi (gambar kecil) yang lemas ketika memukat ikan di Sungai Besut berhampiran Kampung Tok Raja, Besut semalam.

Rumah terbuka tak kesampaian

KANGAR: Kegirangan sebuah keluarga untuk mengadakan majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri, semalam bertukar sedih apabila rumah mereka musnah dalam kebakaran di Taman Behor, Gonchar Jaya, dekat sini, kelmarin.

Kejadian jam 6.30 petang itu mengakibatkan ruang dapur rumah itu musnah, manakala bahagian lain rosak teruk akibat terbakar.

Mangsa, Nurul Aini Ramli, 29, berkata, ketika kejadian, dia dan suami, Muhammad Nor Harith Nordin, 32, serta dua anak tiada di rumah kerana membeli barang keperluan majlis rumah terbuka di sebuah pasar raya di Arau, dekat sini.

Menurutnya, ketika meninggalkan rumah, dia sudah memastikan keadaan rumah selamat, tetapi terkejut apabila menerima panggilan daripada jiran memaklumkan rumah terbakar.

"Kami bergegas pulang dan



HANGUS...rumah mangsa yang terbakar. Gambar kecil, Nurul Aini.

terkejut apabila melihat kepulan asap dan api membakar rumah," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, jurucakap Pusat Gerakan Operasi Balai

Bomba Negeri berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 6.36 petang sebelum sebuah jentera bersama sembilan anggota dari Balai Bomba Kangar di-

hantar ke tempat kejadian. Menurutnya, sebaik tiba, pihaknya mendapati api marak sebelum berjaya mengawal api pada jam 7.35 malam.



KILANG TERBAKAR

SEBLAH kilang memproses minyak pelincir kenderaan musnah dalam kebakaran di Taman Perindustrian Kota Puteh, Masai, Johor, semalam.

Kebakaran yang dipercayai berpunca dari bahagian bawah premis dua tingkat itu turut menyebabkan berlaku beberapa letupan kecil.

Kesemua pekerja kilang berkenaan termasuk pemiliknya berjaya menyelamatkan diri tetapi setakat ini anggaran kemusnahan dan kerugian belum dapat dipastikan.

● ANGGOTA Bomba dan Penyelamat menggunakan semburan air buih untuk mengawal kebakaran di kilang memproses minyak pelincir di Masai, Johor, semalam. [Berita di muka 19] www.harianpajang.com.my

Kalut pagar automatik tersekat

FOTO | Zakaria Ahmad Tajuddin

JOHOR BAHRU: "Kami panik apabila cubaan memadamkan api menggunakan alat pemadam gagal, sebaliknya api terus marak menyebabkan kami tiga beranak dan 10 pekerja cuba melarikan diri.

"Malangnya semua pagar besi automatik tersekat menyebabkan kami keamcabut mencari kunci. Nasib baik abang menemui kunci membolehkan kami kami keluar dari kilang," kata wanita sarat mengandung, Foong Sai Ling, 34, menceritakan pengalamannya terperangkap dalam kilang selama kira-kira 10 minit ketika kilang itu terbakar petang semalam.

Dalam kejadian jam 4.15 petang itu, Sai Ling yang mengandung lapan bulan, terperangkap bersama ibu, Voon Lin Yau, 62; abang yang juga Pengarah Urusan, Vincen Foong, 40, serta 10 pekerja mereka dalam kilang minyak pelincir Silicon Lubricant Sdn Bhd di no 11, Jalan Cenderai 21, Taman Perindustrian Taman Kota Puteri, Masai di sini.

Foong berkata, sebaik berjaya menyelamatkan diri mereka dikejarkan dengan letupan dari dalam kilang.

Menurutnya, ketika kejadian mereka tiga beranak di tingkat dua bangunan kilang



MARAK...anggota bomba berusaha mengawal kebakaran kilang minyak pelincir.

dua tingkat itu apabila terdengar jeritan pekerja yang menjerit ada kebakaran.

Terkejut dengan jeritan itu, katanya, dia dan abangnya melihat keluar sebelum melihat tingkat bawah terbakar.

"Saya memanggil ibu dan mengarahkan semua 10 pekerja lari menyelamatkan diri," katanya.

Kilang berkenaan beroperasi sejak 12 tahun lalu dan mereka tinggal di tingkat atas.

Turut musnah dua kenderaan pebagasi guna (MPV) milik abangnya iaitu Toyota Alphard dan Toyota Estima yang diletak di parkir dalam kawasan kilang.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Johor, Hamid Suari berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 4.19 petang.

Katanya, jentera pertama dari balai Pasir Gudang di-

kejarkan ke lokasi dan tiba pada jam 4.30 petang, diikuti lima jentera lain dari Johor Bahru, Johor Jaya dan Pasir Gudang membabitkan 38 anggota.

Menurutnya, mereka berdepan masalah berikutan tekanan air dari pili bomba rendah menyebabkan mereka terpaksa menggunakan semburan khas bagi mengawal kebakaran.

"Memburukkan keadaan apabila minyak pelincir di-

percaya menyebabkan api marak hingga kebakaran boleh dilihat dari jarak 10 kilometer.

"Bagaimanapun, kami berjaya mengawal kebakaran dan menjangka dapat memadam api kira-kira 6 jam kemudian," katanya.



Kilang minyak pelincir terbakar

Pasir Gudang: Sebuah kilang menghasilkan minyak pelincir kenderaan di Taman Perindustrian Kota Puteri, Masai, di sini musnah dalam kebakaran, petang semalam.

Dalam kejadian jam 4.15 petang itu, dua kereta mewah jenis Toyota Alphard dan Estima milik pemilik kilang terbabit yang diletakkan dalam premis dua tingkat itu turut musnah dijilat api.

Terima panggilan kecemasan

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Hamid Suari, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada orang awam jam 4.19 petang.

Katanya, sebaik menerima panggilan terbabit, lima jentera dan 38 anggota JBPM dari Balai Pasir Gudang, Johor Bahru dan Johor Jaya dikejarkan ke tempat kejadian dengan jentera pertama tiba jam 4.30 petang.

"Bagaimanapun, JBPM menghadapi sedikit masalah dalam usaha untuk mengawal dan memadamkan kebakaran berikutan tekanan air rendah," katanya ketika ditemui pemberita di sini, semalam.

Hamid berkata, tiada kema-

langan jiwa dilaporkan berlaku, sementara unit forensik masih lagi menjalankan siasatan bagi mengetahui punca sebenar kebakaran dan jumlah kerugian.

Berlaku letupan kecil

"Beberapa letupan kecil turut dilaporkan berlaku, namun tidak menyebabkan sebarang kecelakaan. Dua kenderaan mewah, Toyota Alphard dan Estima yang berada dalam kilang berkenaan turut musnah," katanya.

Sementara itu, adik kepada pemilik kilang terbabit, Foong Sai Ling 34, ketika menceritakan detik cemas memberitahu, ketika kejadian dia bersama abang, ibu dan 10 lagi pekerja berada di dalam kilang terbabit.

"Kami terkejut apabila mendengar bunyi letupan di tingkat bawah kilang yang disebabkan soket elektrik. Kami cuba memadamkan api tetapi tidak berjaya.

"Kami juga cemas apabila pintu masuk utama tidak dapat dibuka, namun tindakan pantas abang saya, Vincen Foong, 46, berjaya menemui kunci pintu sebelum kami semua bergegas keluar dari bangunan itu," katanya.



Anggota bomba cuba memadam api yang sedang marak di sebuah kilang membuat minyak pelincir di Taman Megah Ria, semalam.

[FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BERA]

Duit raya hangus bersama rumah

BATU PAHAT: Lima sekeluarga kerugian lebih RM30,000 termasuk RM3,000 duit raya apabila rumah mereka di Kampung Ser. Dalam, Parit Raja di sini, musnah dalam kebakaran, malam kelmarin.

Bagaimanapun, dalam kejadian jam 10.30 malam itu, semua empat penghuni rumah berkenaan berjaya menyelamatkan diri, manakala ketua keluarga berada di gerainya di kampung berhampiran.

Mangsa, Rahman Masri, 48, berkata, ketika kejadian dia berada di warungnya di Kampung Lapis Baru, di sini, sebelum jirannya menelefon dan memberitahu rumahnya terbakar.

"Saya hanya mampu fikirkan keselamatan ibu dan tiga

anak yang berada di rumah.

"Saya bergegas pulang untuk mengetahui keadaan mereka.

"Alhamdulillah, sebaik tiba di pekarangan rumah, saya dapati tiga anak dan ibu selamat namun sedih melihat rumah kami hangus," katanya.

Menurutnya, dia difahamkan ketika kejadian anak bongsunya menguleng kaji pelajaran di ruang tamu sebelum terhidu bau asap dari dapur.

Katanya, sebaik melihat api itu, anaknya memberitahu keluarga lain sebelum mereka bergegas keluar menyelamatkan diri.

"Kami sekeluarga tidak sempat menyelamatkan apa-apa termasuk duit raya ibu dan anak-anak kira-kira



MUSNAH... Ab Aziz (kiri) meninjau rumah mangsa yang hangus, semalam.

RM3,000.

"Kami sedih kerana ia berlaku ketika kami menyambut Aidilfitri namun reda dan syukur kerana tiada kemalangan jiwa berlaku.

"Ketika ini, kami menumpang di rumah saudara terdekat dan berharap ada pihak menghulurkan bantuan bagi meringankan beban kami," katanya.

Nasib malang keluarga Rahman mendapat perhatian apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parit Raja, Datuk Ab Aziz Kaprawi yang menghulurkan bantuan.

Stor alat sukan sekolah terbakar

MELAKA - Tindakan pantas seorang pengawal keselamatan melakukan pemeriksaan selepas menghidu bau terbakar berjaya menyelamatkan salah satu blok bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Mutahir, Batu Berendam di sini daripada terbakar kelmarin.

Bagaimanapun, kebakaran itu memusnahkan sebuah stor menyimpan peralatan sukan yang terletak bersebelahan dengan blok menempatkan makmal dan bilik darjah.

Pegawal keselamatan berkenaan, Kamariah Ali, 54, berkata, dia yang sedang bertugas di sekolah berkenaan terhidu bau asap pada pukul 2.50 petang lalu melakukan pemeriksaan.

"Pada awalnya saya menyangka kantin terbakar kerana kejadian sama pernah berlaku tahun lalu.

"Apabila tita di bahagian belakang sekolah, saya terkejut apabila mendapati stor menyimpan peralatan sukan sedang

terbakar," katanya ketika ditemui pemberita di tempat kejadian di sini semalam.

Menurutnya, dia yang panik melihat api sedang marak kemudian menghubungi bomba untuk mendapatkan bantuan.

Sementara itu, Pegawai Bomba Kanan II, Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil, Rosli Manan, berkata, pihaknya menerima panggilan pada pukul 2.57 petang dan tiba di lokasi lapan minit kemudian.

Katanya, enam anggota bersama dua jentera masing-masing dari Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Katil dan Ayer Keroh dikejarkan ke tempat kejadian sebaik panggilan diterima.

"Ketika tiba, api sedang marak pada keseluruhan struktur bangunan separuh kekal ini dan kebakaran berjaya dikawal pada pukul 3.25 petang," katanya.

Menurutnya, punca kebakaran dan jumlah kerugian masih dalam siasatan.



DUA anggota bomba melihat keadaan stor menyimpan peralatan sukan yang terbakar di SMK Tun Mutahir, Batu Berendam, Melaka semalam.

MMS jadi petunjuk

Mayat wartawan sambilan hilang di air terjun ditemui dalam keadaan separuh badan dibaham haiwan

>>Oleh Rosli Ilham
ari@hmetro.com.my

DUNGUN: Peta lokasi dan gambar keindahan air terjun Jeram Berdebu, Pasir Raja memberi petunjuk kepada polis sebelum pasukan mencar. dan menyelamatkan berjaya menemui mayat wartawan sambilan sebuah syarikat pengiklanan, di sini, kelmarin.

Mayat Nian Hoi Chur, 50, ditemui dalam keadaan bergel dengan bahagian paha, perut dan kemaluannya di-nakan binatang selepas di-temui pasukan mencari dan menyelamatkan kira-kira jam 9.45 pagi.

Sebelum itu, mangsa yang berasal dari Jalan Angsoka Setapak, Kuala Lumpur di-katakan datang ke kawasan Air Terjun Cemerung, Pasir Raja, di sini dan tidur di situ dengan memasang khemah sejak 17 Ogos lalu.

Mangsa dikatakan mening-galkar khemahnya untuk ke kawasan Air Terjun Jeram Berdebu di Kuala Jengal se-jauh 30 kilometer dengan memandu kenderaan pacuan empat roda Kia Sportage miliknya.

Sebaik tiba di Kuala Jengal, mangsa meneruskan lagi per-jalanan melalui kawasan ber-batu sejauh 30 kilometer lagi sebelum meninggalkan beg mengandungi wang tunai RM100 serta dokumen pen-generalan ciri di dalam ken-deraanya. Mangsa kemudi-an meredah jalan berbukit selama tiga jam sebelum tiba



JUMPA...anggota bomba dan penyelamat mengangkat mayat Nian yang ditemui di Air Terjun Jeram Berdebu.

di kawasan air terjun ber-kenaan.

Mayat mangsa ditemui da-lam jarak satu jam perjalanan ke kawasan air terjun itu dan dipercayai dalam perjalanan pulang ke kawasan khemah-nya.

Rakan mangsa, Lim Siang Hui, 32, berkata, ketika tiba di kawasan air terjun ber-

kenaan, mangsa ada meng-hantar sekeping gambar ke-indahan air terjun di situ yang didakwanya paling can-tik dalam banyak kawasan air terjun yang dilawati kira-kira jam 10.30 pagi.

"Saya terima khidmat pe-sanan multimedia (MMS) dan peta laluan ke kawasan air terjun yang tidak pernah

diketahui orang ramai itu dan dia berjanji akan mem-bawa saya serta beberapa ra-kan lain ke situ suatu masa nanti," katanya.

Lim berkata, kira-kira jam 4.30 petang, dia ada meng-hubungi telefon bimbit men-diang tetapi gagal dihubungi kerana mungkin di kawasan itu tiada talian.

"Selepas beberapa hari ga-gal menghubunginya, saya yang mengesyaki sesuatu berbincang dengan beberapa rakan sebelum mengambil keputusan membuat laporan di Balai Polis Seksyen 8, Su-bang Jaya pada 23 Ogos," katanya.

Katanya, keesokan harinya, dia serta beberapa rakan yang



NIAN...ditemui mati

lain datang ke tempat ke-jadian dan menemui khemah tempat tinggal mangsa nam-un dia tiada di situ.

"Ketika itu baru saya ter-ingat mengenai peta lokasi kawasan air terjun yang di-kirimkan mangsa sebelum pasukan polis serta beberapa agensi yang lain melancarkan gerakan mencari di kawasan itu," katanya.

Lim berkata, dia mengesyaki maya: yang sudah ber-bau dan hampir reput itu adalah rakan-nya berdasarkan keadaan saiz bahu serta ba-dannya yang besar kerana ketika itu keadaan mayat su-dah membengkak.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak polis, Jabatan Perhutanan Daerah Dungun, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan penduduk kam-pung yang sanggup bersusah payah melancarkan gerakan mencari sebelum menemui mayat rakan saya itu," ka-tanya.

Terkejut terima panggilan bomba awal pagi

KOTA BHARU: Pasar raya Mydin di Jalan Pintu Pong, di sini, terbakar membabitkan kerugian RM150,000, awal pagi semalam.

Kejadian pada jam 2.40 pagi itu dikatakan bermula dari kiosk makanan dan minuman terletak di hadapan pasar raya berkenaan.

Pengurus Mydin Cawangan Kelantan, R Naidu berkata, dia terkejut apabila mendapat panggilan daripada pihak bomba yang memaklumkan penggera keselamatan di pasar raya itu berbunyi.

Katanya, dia dengan segera menghubungi pengawal keselamatan bertugas pada pagi itu bagi menge-

tauhi apa yang berlaku.

"Pengawal keselamatan memaklumkan ketika sedang membuat rondaan, dia tiba-tiba terhidu asap.

"Dia kemudian terlihat api sedang menjulang dari kawasan kiosk berhampiran," katanya.

Sementara itu, Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Kota Bharu, Abdullah Din Mohamed berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 2.52 pagi daripada pengawal keselamatan pasar raya terbabit.

Katanya, seramai 28 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Kota Bharu, Tunjong, Pengkalen Chepa



MUSNAH...sebahagian pasar raya Mydin Jalan Pintu Pong musnah dalam kebakaran pagi semalam.

dan Kota Darul Naim di-kejarkan ke tempat kejadian bersama enam jentera. "Sebaik tiba pada jam 2.57

pagi, api sedang marak memusnahkan bahagian kiosk menjual makanan dan minuman di situ.

"Kami berjaya mengawal dan memadam kebakaran sepenuhnya 40 minit kemudian. Bagaimanapun, ti-

ada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku," katanya.

Mereka turut dibantu anggota polis, kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan tiga anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

Kejadian itu adalah kali kedua berlaku selepas kebakaran besar memusnahkan cawangan itu yang terdiri daripada bangunan tiga tingkat di Jalan Parit Dalam, pada Mei 2002.

RM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.rsp.com.my

Mydin rugi RM150,000 pasar raya terbakar

Kota Bharu: Kebakaran awal pagi semalam menyebabkan Pasaraya Borong Mydin di Jalan Pintu Pong, di sini, mengalami kerugian RM150,000.

Bagaimanapun, dalam kejadian pada jam 2.40 pagi itu, tiada kemalangan jiwa dilaporkan kerana gedung berkenaan hanya beroperasi sehingga jam 11 malam saja.

Kios makanan dan minuman turut musnah

Kebakaran itu turut memusnahkan sebuah kios menjual makanan dan minuman ringan yang terletak di tepi pintu masuk pasar raya berkenaan.

Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Kota Bharu, Abdullah Din Mohamed berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada pengawal keselamatan pasar raya berkenaan yang bertugas pada jam 2.52 pagi.

Katanya sebaik menerima



Kesan kebakaran Pasaraya Mydin di Jalan Pintu Pong, Kota Bharu awal pagi semalam. (FOTO NIK ABDULLAH NIK CMAR/BH)

panggilan, enam jentera dan 28 anggota bomba dan penyelamat dari Balai Kota Bharu, Tunjong, Pengkalar Chepa dan Kota Darulnaim dikejar-

kan ke tempat kejadian dan tiba pada jam 2.57 pagi.

"Ketika sampai di tempat kejadian api sedang marak di bahagian kios menjual maha-

nan dan minuman serta tempat menyimpan barang pelanggan pasar raya berkenaan," katanya.

Ambil masa 40 minit untuk memadamkan api

Katanya, dengan bantuan lapan Bomba Sukarelawan Balai Kota Bharu, sembilan anggota polis, enam kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNE) dan tiga anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), api berjaya dikawal jam 3.09 pagi dan padam sepenuhnya 40 minit kemudian.

"Unit forensik masih lagi menjalankan siasatan bagi mengetahui punca sebenar kebakaran," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kebakaran yang berlaku ke atas pasar raya yang dirasmikan pada 2002, kali kedua selepas satu kebakaran besar yang memusnahkan bangunan tiga tingkat di Jalan Part Dalam, di sini.

Sementara itu, Pengurus Mydin cawangan Kelantan, R Naidu berkata, ketika kejadian beliau mendapat panggilan daripada pihak bomba pada jam 2.40 pagi bahawa penggera keselamatan pasar raya berkenaan berbunyi.

Premis haram hangus dijilat api

Kuala Lumpur: Dua rumah diubahsuai menjadi premis pembuatan perabot dan pemrosesan besi yang beroperasi secara haram sejak lebih 40 tahun lalu musnah dalam kebakaran di Salak Selatan, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 12.40 tengah hari itu, kebakaran yang dipercayai berlaku akibat litar pintas memusnahkan keempat-empat lot premis itu dan menyebabkan kerugian hampir RM150,000.

Berjaya selamatkan diri

Difahamkan, ketika kejadian berakau ada enam pekerja berada di dalam kedua-dua premis berkenaan, namun kesemua mereka berjaya menyelamatkan diri sebelum api terus marak.

Penolong Kanan Penguasa Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Christopher Chong, berkata pihaknya tiba di tempat kejadian pada jam 1.02 petang dan berjaya mengawal kebakaran 15 minit kemudian.



Anggota Bomba dan Penyelamat bertungkus lumus memadam sisa kebakaran di Kampung Baru Salak Selatan. (FOTO KHAIIRI: AZRY RIDIN/BE)

"Kita tidak menghadapi sebarang masalah ketika operasi dijalankan dan berjaya mengawal kebakaran daripada merebak ke kawasan sekitar 15

minit selepas tiba di tempat kejadian.

Perniagaan tanpa lesen

"Kita juga percaya premis ber-

keriaan menjalankan perniagaan tanpa lesen sejak lebih 40 tahun lalu dan punca kejadian masih lagi disiasat," katanya ketika ditemui BH.

Rempuh lori melintang

Jurulatih hoki dalam perjalanan pulang ke sekolah sukan temui ajal terbabat dalam kemalangan 5 kenderaan

>>Oleh Yasmawati Mhd Yusof dan Arifin Saleh
am@metro.com.my

MELAKA: Seorang guru yang juga jurulatih hoki di Sekolah Sukan Bandar Penawar (SSBP), Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor mau: apabila motosikal ditunggangnya terbabat kemalangan terburu-mburu membabitkan lima kenderaan di Kilometer 197.3, Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan berhampiran susur keluar Ayer Keroh, dekat sini semalam.

Dalam kejadian jam 4.45 pagi itu, mangsa Mohamad Fakhrurazi Baharuddin, 28, dalam perjalanan pulang ke SSBP selepas menyambut hari raya bersama isteri dan mentuanya di Cheras, Kuala Lumpur.

Turut terkorban dalam kejadian itu ialah pemandu Perodua Myvi, Muhammad Farid Mazlan, 27, yang parah di kepala manakala pemandu lori, Rosli Md Nor, 37, patah kaki kanan kerana tersepit dalam kenderaannya, sementara empat sekeluarga yang menaiki Proton Iswara cedera ringan.

Kemalangan dipercayai berlaku apabila lori dipandu Rosli merempuh bahagian belakang sebuah triler sebelum lori berkenaan dirempuh Perodua Myvi dipandu Muhammad Farid.

Lori yang melintang di tengah lebuhraya itu kemudian dirempuh Proton Iswara dinaiki Ahmad Faisal Azizan, 29, bersama tiga ahli keluarganya sebelum dilanggar motosikal Kawasaki Versys ditunggang Mohamad Fakhrurazi.

Isteri Mohamad Fakhrurazi, Ily Zafira Shahrinan, 27, berkata, ketika kejadian suaminya dalam perjalanan dari rumahnya di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras menuju SSBP.

Menurutnya, mangsa yang menunggang Kawasaki Versys 650 keluar dari rumah jam 3 pagi, namun dia dikejutkan dengan panggilan daripada keluarga memaklumkan mengenai kejadian tiga jam kemudian.

"Arwah berulang-alik seminggu sekali dari Cheras ke sekolahnya sejak beberapa tahun lalu kerana saya bekerja di Kuala Lumpur.

"Kebiasaannya, saya akan membancuh air untuk arwah setiap kali dia mahu pulang ke Bandar Penawar, namun pagi tadi (semalam) arwah membancuh sendiri kopi O, tetapi

ROSAK...anggota polis trafik memeriksa motosikal Mohamad Fakhrurazi yang terbabat kemalangan, semalam.



SEDIH...Isteri Mohamad Fakhrurazi, Zafira (kiri) bersama ahli keluarga

tidak minum sampai habis," katanya ketika ditemui di pekarangan bilik mayat Hospital Melaka, di sini, semalam.

Kata Zafira, mangsa turut beriya-ya meminta ibu bapa mentua yang sepatutnya pulang ke kampung di Taiping, Perak, kelmarin supaya menangguk hasrat mereka.

"Ayah saya (Shahrinan, 53) dan ibu (Zan Abdul Ghani, 53) sepatutnya pulang ke kampung malam semalam (kelmarin), tetapi arwah tidak membeli tiket kereta api kerana mahu mereka pulang malam ini (semalam).

"Selain itu, arwah berkecukupan perik apabila hanya membelikan kelengkapan raya untuk saya dan anak tunggal kami (Mohamad Adeb

Zuhayr, 1), tetapi tidak untuk dirinya," katanya.

Jenazah mangsa yang juga bekas pemain hoki remaja kebangsaan dikebumikan di kampung halaman keluarganya di Manong, Kuala Kangsar, Perak.

Sementara itu, bapa saudara Muhammad Fandi, Mohd Razali Ujang, 56, berkata, dia dimaklumkan mengenai kejadian berkenaan oleh ibu mangsa yang juga adiknya, Azizah, 55, jam 7 pagi semalam.

Menurutnya, ketika kejadian arwah yang juga anak kedua daripada empat beradik itu dalam perjalanan dari Nilai, Negeri Sembilan ke Johor Bahru, Johor atas urusan kerja.

"Kali terakhir saya bertemu arwah pada hari raya kedua

lalu di kampung kami di Ayer Kuning, Negeri Sembilan, dan dia yang pemalu kelihatan ceria.

"Bagaimanapun, dia pulang berseorangan kerana isterinya berada dalam pantang kerana baru melahirkan cahaya mata pertama mereka," katanya.

Arwah yang meninggalkan balu, Nurul Ain Suhari, 20-an dan anak Muhammad Mikhail Zain berusia 20 hari dikebumikan di Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nsp.com.my



MOHAMAD FAKHRULRAZI MUHAMMAD FARID

Dengar jeritan drebar minta tolong

ALOR GAJAH: "Saya dengar jeritan pemandu lori meminta tolong supaya dikeluarkan namun saya tidak berani berbuat apa-apa berikutan kenderaan terbabat melintang di tengah lebuhraya," kata Mohd Farhan Wond Asri, 23, saksi kemalangan maut di Kilometer 197.3, Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan, di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 4.45 pagi itu, dua teronun selepas kenderaan dinaiki terbabat kemalangan membabitkan lima kenderaan.

Muhammad Farid Mazlan, 27, yang memandu Perodua Myvi bersendiran menuju Johor disahkan meninggal dunia di tempat kejadian selepas kereta dipandu merempuh belakang sebuah lori tiga tar.

Tidak lama kemudian, motosikal Kawasaki Versys ditunggang Mohamad Fakhrurazi Baharuddin, 28, nerempuh sebelah kiri lori berkenaan hingga menyebabkannya tercampak dan meninggal dunia.

Sebuah Proton Saga dinaiki empat sekeluarga dipandu Ahmad Faisal Azizan, 29, bersama isteri, Putri Hasmiza, 29, serta dua anak mereka, Muhammad Faiz Irfan, 4, dan Nur Farzanah Irdina, 1 tahun, juga merempuh tepi kanan lori dipandu Rosli Md Nor, 37, berkenaan.

Menurut Farhan, dia yang panik selepas melihat kemalangan itu segera memberhentikannya dan cuba mengeluarkan

pemandu Myvi namun gagal kerana tersepit.

"Ketika itu, saya hanya menjerit sekuat hati meminta pemandu lori berkenaan bertenang sambil melihat empat sekeluarga menaiki Proton Saga keluar menyelamatkan diri ke tebing.

"Ketika menghampiri pemandu Myvi itu, dia dalam keadaan nazak dan kepalanya terkulai ke belakang," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Melihat keadaan itu, dia menghubungkan bantuan kecemasan sebelum

sepasukan anggota Jabatan Perananan Awam Malaysia (JPAM) dan Balai Bomba dan Penyelamat Alor Gajah tiba untuk mengeluarkan mangsa.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah, Superintendan Umer Ali Saifuddin Shahrudin mengesahkan kejadian mengakhiri dua daripada enam mangsa meninggal dunia di tempat kejadian.

"Pemandu lori yang parah di kaki kanan akibat tersepit dihantar ke Hospital Melaka untuk menerima rawatan manakala empat sekeluarga cedera ringan.

"Maya: Kedua-dua mangsa dihantar ke Hospital Melaka untuk bedah siasat sebelum jenazah mereka dituntut ahli keluarga masing-masing," katanya.

Menurut beliau, orang ramai yang menyaksikan kejadian diminta tampil bagi membantu siasatan yang diklasifikasikan mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Rempuh lori melintang jalan

Lima kenderaan terbabit, dua maut di lokasi kejadian



Anggota bomba dan penyelamat serta JPAM berusaha mengeluarkan mangsa yang tersepit dalam kereta.

NORRIZAH BAHARUDIN

ALOR GAJAH - Sebuah lori tiga tan yang merintang lebuh raya drempuh tiga kali, mengakibatkan dua maut dalam kemalangan Kilometer 197.3 Lebuhraya Utara Selatan mengalala ke selatan, berhampiran Alor Gajah di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 445 pagi membabitkan lima kenderaan itu, Muhammad Farid Mazlan, 27, yang bertugas sebagai guru di Sekolah Sukan Bandar Penawar, Johor, sementara Mohammad Fakhrurazi Baharuddin, 28, seorang jurutera, maut serta-merta kerana cedera parah.

Muhammad Farid memandu kereta jenis Perdua MyVi dalam perjalanan ke Johor Bahru selepas bercuti sempena Aidilfitri selama seminggu.

Mangsa dipercayai merempuh bahagian belakang sebuah lori tiga tan yang sebelum itu telah merempuh bahagian belakang sebuah treler.

Sumber berkata, kemalangan menyebabkan kenderaan mangsa terhumban ke tobing lebuh raya, sementara lori terbabit hilang kawalan dan memasuki laluan tengah sehingga merentangi jalan.

"Pemandu lori, Rosli Md Nor, 37, tersepit di tempat duduk selepas merempuh treler dan kemudian di-rempuh pula oleh mangsa di bahagian belakang.

"Mangsa yang cedera parah di kepala meringgal dunia di tempat kejadian," katanya.

Dengar jeritan pemandu lori

Menurutnya, selang 30 minit kemudian, Mohammad Fakhrurazi yang menunggang motosikal Kawasaki Versys turut merempuh lori terbabit menyebabkan mangsa tercapak ke



Mayat Muhammad Farid berjaya dikeluarkan dalam masa kira-kira 30 minit.



Mohamad Fakhrurazi turut maut di tempat kejadian.

tebing lebuh raya.


"Beberapa saat kemudian, sebuah kereta jenis Proton Saga dinaiki empat sekeluarga dipandu Ahmad Faisal Azizan, 29, bersama isteri, Putri Hasmiza Irdawati, 29, serta dua anak mereka. Muhammad Faz Irfan, 4, dan Nur Farzanah Irdina, 1, merempuh bahagian tepi lori terbabit," katanya.

Saksi kejadian, Mohd Farhan Mohd Asri, 23, berkata, dia cuba membantu pemandu kereta Perocua MyVi tetapi gagal berikutan pintu kereta mangsa tidak dapat dibuka.

"Pada masa sama, saya mendengar jeritan pemandu lori yang memintatolong tetapi saya tidak dapat membantu kerana lorinya berada di tengah jalan dan terpaksa menunggu anggota peronda lebuh raya tiba.

"Sementara itu, saya lihat empat sekeluarga yang menaiki kereta Proton Saga berjaya menyelamatkan diri ke tepi lebuh raya," katanya yang mengakui panik dengan kejadian itu dan pantas menghubungi bantuan kecemasan sebelum sepasukan anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

KEMALANGAN LEBUHRAYA UTARA SELATAN



ILLUSTRASI: AIMA HASHIM

(JPAM) serta anggota Bomba dan Penyelamat Alor Gajah tiba membantu mengeluarkan mangsa yang tersepit.

30 minit keluaran mangsa

Ketua Operasi JPAM, Mohd Rizuan Rahmat berkata, tiga anggotanya bersama sepasukan anggota Skwad Penyelamat Integrasi (SPI) berpegas ke tempat kejadian selepas menerima panggilan daripada orang awam.

"Kedudukan mangsa yang tersapit rapat di bahagian tempat duduk penumpang menyukarkan operasi. Kami berjaya mengeluarkan mangsa selepas 30 minit," katanya.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Umar Ali Saifuddin Shahrudin mengesahkan kejadian tersebut.

"Pemandu lori mengalami kecederaan parah di kaki akibat tersepit dihantar ke Hospital Melaka untuk menerima rawatan, sementara empat sekeluarga menaiki kereta Proton Saga mengalami kecederaan ringan.

"Mayat dihantar ke Hospital Melaka untuk bedah siasat dan kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya.

Isteri pantang anak pertama

Isteri Allahyariah Muhammad Farid, Nurul Ain Suhari, 20-an, yang sedang berpantang selepas melahirkan anak pertama, Muhammad Mikhal Zain Muhammad Farid, berusia 20 hari reda dengan pemergian suaminya itu.

Sementara itu isteri Allahyariah Mohammad Fakhrurazi, Ily Zafrah Shafrin, 27, berkata, dia tidak menyangka permintaan agar kedua ibu bapanya tinggal di rumahnya lebih lama adalah petanda dia mahu meluangkan masa bersama mereka.

"Bapa, Shahrudin Ibrahim, 53, dan ibu saya, Zan Abd Ghari, 53, pelik dengan permintaan suami yang seolah-olah menghalang mereka pulang namun hanya merurutkan sehalu permintaan supaya pulang ke rumah malam ini (semalam)," katanya.

Bagaimanapun katanya, dia terkilan kerana luasiat arwah suaminya untuk membeli sebuah rumah baru buat mereka sekeluarga tidak keesampaian.

"Lebih seminggu arwah bercuti sempena Hari Raya dan tiada reaksi pelik ditunjukkan cuma arwah enggan membeli apa-apa barangan raya unuk dirinya tetapi membelikan saya serta anak, Mohamad Adeeab Zuhair berusia 20 bulan," katanya.

Dua dihanyut arus

Tujuh terselamat kenderaan pacuan empat roda seberang sungai tenggelam

>>Oleh Junaidi Ladjana
djune@hmalta.com.my

RANAU: Seorang lelaki dan seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun dikhuatiri lemas apabila kenderaan pacuan empat roda dinaiki mereka bersama tujuh penumpang lain dihanyutkan arus deras ketika menyeberang sungai dalam kejadian di Sungai Kaigaran, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 malam, mangsa yang masih hilang dikenali Marudin Limboy, 40, dan Elsey Charles, 3, manakala tujuh penumpang lain membabitkan empat lelaki dan tiga wanita berjaya menyelamatkan diri.

Mereka yang terselamat dikenali Limon, 60; Yutir, 46; Mencis Limon, 33; Micheal, 24, dan tiga penumpang wanita iaitu Renimulok, 50; Salamah, 38, dan Justirah, 15.



CARI...anggota bomba menjalankan kerja mencari di Sungai Kaigaran, semalam.

Sebelum kejadian, pacuan empat roda Toyota Land Cruiser itu dikatakan dalam perjalanan dari pekan ini menuju Kampung Kawiyan yang terletak di seberang su-

ngai berkenaan.

Sumber berkata, sebaik meredah sungai itu, pemandu pacuan empat roda terbebit dikatakan memberhentikan kenderaan di te-

ngah sungai bagi memberi laluan kepada sebuah lagi kenderaan dari arah bertentangan.

Bagaimanapun, katanya, arus deras yang melanda su-

ngai itu secara tiba-tiba menyebabkan kenderaan terbebit hanyut dan mula tenggelam.

"Beberapa penumpang bergegas menyelamatkan diri dengan terenang ke tebing, manakala dua lagi mangsa gagal berbuat demikian sehingga tenggelam dibawa arus.

"Penumpang yang terselamat berjaya menghubungi polis sebelum memaklumkan perkara itu kepada Jabatan Bomba dan Penyelamatan Malaysia (JBPM) bagi menggerakkan operasi mencari dan menyelamat," katanya.

Namun, lokasi kejadian yang terletak jauh di pedalaman selain ketiadaan jalan berturap dan laluan berbukit sejauh 60 kilometer menyebabkan anggota bomba dan penyelamat hanya boleh memulakan kerja mencari dan menyelamatkan pada awal pagi semalam.

24,768

pili bomba di seluruh negeri

576

pili bomba rosak

3,864

orang menyertai Skim
Teman Pili Bomba



Pili bomba tidak dipelihara **menyukarkan tugas** anggota bomba menjalankan tugas dengan berkesan

FOTO AFIF ABD HALIM / BH

Jaga pili bomba

» Jangan salahkan Jabatan Bomba jika gagal padam kebakaran

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bharian.com.my

► Kuantan

Pili bomba sepatutnya dijaga dan diselenggara dengan baik, tetapi malangnya ia menjadi sasaran pihak tidak bertanggungjawab.

Bukan saja injap dan perutup pili bomba dicuri, malah ada yang 'gatal' tangan menyembur cat, dilanggar kenderaan hingga patz, ditimbuai pasir dan tanzh, dijadikan tempat pembuangan sampah serta tempat menanam pokok bunga.

Perbuatan itu bukan saja menjejaskan operasi pasukan bomba, malah pasukan itu terpaksa menanggung kos tinggi

untuk memperbaiki kerosakan. Sepanjang tahun lalu hingga awal tahun ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri kerugian hampir RM200,000 untuk memperbaiki kerosakan sebanyak 576 pili bomba.

Tugas bomba terjejas

Pengarah JBPM Pahang, Datuk Abdul Wahab Mat Yasin, berkata kerosakan pili bomba menyukarkan tugas anggotanya terutama ketika operasi memadam kebakaran.

"Apabila pili bomba rosak dan tidak berfungsi, kami sukar melaksanakan tugas kerana tiada punca air. Malah, ada pihak menyalahkan bomba kononnya gagal mengawal kebakaran," katanya kepada BH.

Abdul Wahab berkata, pihaknya sentiasa berusaha menambah bilangan pili bomba

bagi memudahkan operasi memadam kebakaran.

Bagaimanapun, katanya, disebabkan jumlah anggota dan peralatan di setiap balai bomba terhad, pili bomba gagal diperiksa dengan kerap.

"Jabatan hanya mampu menetapkan setiap pili bomba diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun dan akibatnya, pili bomba tidak dapat dipantau lebih kerap.

"Namun kami tetap berusaha untuk melakukan pemeriksaan secara berkala, selain melaporkan orang ramai berhubung kerosakan pili bomba," katanya.

Tahun lalu, sebanyak 72 pili bomba baru dipasang memabitkan kos RM620,000 dan bagi tahun ini, RM341,843 diluluskan bagi penambahan 40 lagi pili bomba.

Semai tanggungjawab jaga kemudahan

JBPM Pahang memohon kerjasama masyarakat untuk menyertai Skim Teman Pili Bomba bagi menanam sikap lebih bertanggungjawab untuk menjaga pili bomba.

Pengarah Bomba dan Penyelamat negeri, Datuk Abdul Wahab Mat Yasin (**gambar**), berkata pihaknya juga menggalakkan penyertaan lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi awam dan swasta dalam skim itu bagi memastikan pili bomba sentiasa dalam keadaan baik.

Ketika ini, seramai 3,864 individu menyertai skim itu di seluruh negeri dan jumlah ini hanya 15.6 peratus berbanding jumlah pili bomba.

"Saya berharap lebih ramai lagi akan menyertainya dan angka yang ada ketika ini akan bertambah sekali ganda menjelang penghujung tahun ini," katanya.



Sukan air erat hubungan **Aktiviti** Orang Asli, penduduk setempat

Oleh FARIK SALLEH
refleks@kosmo.com.my



Anggota polis memeriksa mayat Sharifah yang tercampak keluar selepas terbahit nahas di Kampung Baru Rahang, semalam.

Wanita maut tercampak

Seremban: Seorang wanita maut apabila kereta dinaikinya terbahit kemalangan di Jalan Seremban-Tampin dekat Kampung Baru Rahang, di sini semalam.

Sharifah Abdul Razak, 35, mati di tempat kejadian selepas tercampak keluar dari Perodua Kancil dipandu rakannya, L Arumugam, 63, yang turut parah dalam kejadian jam 6.15 pagi itu.

Jurucakap polis berkata, kereta itu dari arah Seremban ke Bukit Emas, di sini, untuk menjual bunga dan surat khabar sebelum dilanggar sebuah Proton Wira dari arah belakang yang dipercayai hilang kawalan ketika melalui satu selekoh.

"Kereta mangsa hilang kawalan dan terbahas sebelum tertalik di sebelah kiri jalan. Sharifah yang duduk di kerusi penumpang

pang depan, tercampak keluar. Arumugam yang parah kini dirawat di Hospital Tuanku Jaafar Serembar, manakala pemandu Proton Wira berusia lingkungan 20-an hanya cedera ringan," katanya.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisyoner Saiful Azly Kamarudin, ketika dihubungi mengesahkan polis menerima laporan kejadian berkenaan.



PASUKAN Bomba dan Penyelamat sentiasa bersedia bagi memastikan keadaan terkawal.

PELBAGAI inisiatif dilakukan oleh sesetengah pihak dalam usaha memupuk semangat kerjasama dan muhibah dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Salah satu daripadanya adalah program Temasya Sukan Air Malaysia yang diadakan di Kampung Orang Asli Sayong Pinang, Kota Tinggi, Johor baru-baru ini.

Ia bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara masyarakat Orang Asli dan penduduk tempatan.

Aktiviti yang julung-julung kali diadakan itu dianjurkan bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kota Tinggi; Jabatan Hal Ehwal Khas, Kota Tinggi serta Parlimen Tenggara.

Kira-kira 300 peserta membabitkan 67 keluarga memeriahkan temasya sukan air tersebut yang melibatkan pelbagai acara menarik termasuk pukul bantal, polo air, menangkap itik, memancing dan sukaneka.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Mukim-Mukim (JPMM) Dewan Undangan Negeri kawasan Panti, Datuk Baderi Dasuki berkata, kejayaan penganjuran acara tersebut membuktikan masyarakat berbilang kaum di negara ini dapat hidup bersama dengan suasana aman dan harmoni.

Katanya, temasya tersebut berlangsung meriah dengan penyertaan daripada semua peringkat usia.

"Temasya ini bukan untuk mengadakan pertandingan semata-mata, namun ia juga bertujuan merapatkan hubungan antara penduduk dan masyarakat luar yang jarang-jarang dapat bersama dalam satu majlis," katanya ketika merasmikan temasya sukan air tersebut baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah Kota Tinggi, Alias Ibrahim; Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Kampung Sayong Pinang, Jasni Amat dan Ketua Adat Masyarakat Orang Asli Sayong Pinang, Antoi Mabot.

Menurutnya, temasya sukan tersebut sepatutnya diadakan secara besar-besaran dengan melibatkan tiga perkampungan Orang Asli termasuk di Kampung Orang Asli Kempos Menang dan Pasir Intan.

Katanya, berdasarkan sambutan yang menggalakkan terhadap temasya tersebut, beliau mencadangkan agar ia dijadikan acara tahunan.

Jelasnya, bagi menjadikannya lebih meriah, temasya tersebut perlu dianjurkan dengan berkonsepkan hari keluarga.

"Ini bagi membolehkan ia menerima lebih banyak penyertaan daripada penduduk setempat.

"Secara tidak langsung, ia memberikan gambaran jelas betapa perpaduan dalam kalangan masyarakat dipupuk melalui acara seperti ini," ujarnya.



ORANG ramai memerhati salah satu acara sukan air yang dipertandingkan dari tebing sungai.

Jeritan mak selamat nyawa

Bunyi letupan amat kuat kedengaran sebaik kaki melangkah anak tangga terakhir

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU - "Nasib saya tersedar daripada tidur dan terdengar bunyi bisik suara kakak cengan mak meminta tolong, jika tidak mungkin kami tiga beranak rentung dalam kebakaran itu."

Demikian luah Nik Natrah Nik Embong, 25, ibu kepada pasangan kembar yang nyaris rentung dalam kebakaran di kediaman ibunya di Kampung Tanjung Paya, di sini, awal pagi semalam.

Menceritakan detik mencemaskan itu, Nik Natrah berkata, semasa kejadian iaitu kira-kira jam 3 pagi, ibunya, Halimah Che Muhammad, 55, tidur di ruang tamu bersama kakak sulung dan adik bongsunya serdalima saudara mara lain yang balik sempena hari raya mana kala dia bersama anak kembarnya tidur di dalam salah sebuah bilik di rumah tersebut.

"Saya hanya tersedar daripada tidur selepas terdengar bunyi suara kakak dengan mak menjerit 'api! api!' dan panik dengan situasi itu, saya terus mendukung ke dua anak kembar yang tidur bersama keluar dari rumah.

"Jika kami lambat beberapa saat sahaja, mungkin kami sudah rentung kerana sejurus kali saya melangkah ke tangga rumah terakhir, bunyi satu letupan amat kuat disusuri api yang usarak membakar keseluruhan rumah ini," katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Menurut Nik Natrah, di-



Beginilah keadaan rumah pusaka milik keluarga Nik Natrah yang hangus sama sekali dalam satu kebakaran di Kampung Tanjung Paya, di sini, awal pagi semalam.

sebabkan terlalu panik, itu dan kakaknya mengakui tidak sempat untuk mengejutkan dia anak-beranak yang tidur di dalam bilik kerana masing-masing sibuk menyelamatkan diri memandangkan api merebak begitu pantas.

"Nasib anak sulung saya yang berusia tujuh tahun bersama avahwa di Setiu ketika kejadian kerana sekiranya dia ada bersama, saya tidak dapat bayangkan bagaimana hendak menyelamatkan nyawa mereka bertiga dalam masa yang sangat singkat.

"Bagaimanapun, saya

bersyukur kerana kami sekeluarga selamat walaupun terpaksa tinggal seheli sepinggang dan kehilangan tempat tinggal yang menjadi tempat kami berteduh selama ini," katanya.

Ibu muda kepada tiga anak ini berkata, dia simpati kepada nasib ibunya yang juga ibu tunggal itu kerana hasratnya untuk menyelamatkan wang simpanan yang disimpan khas untuk kegunaan adik bongsunya menyambung pelajaran selepas hari raya nanti tidak kesempaan.

"Mak cuba masuk kali ke-

dua bagi menyelamatkan wang tunai yang disimpan kira-kira RM800 untuk kegunaan adik bongsu, Mohd Syawal Ibrahim, 18, yang akan sambung belajar selepas hari raya ini, namun gagal kerana api merebak begitu pantas," katanya.

Sementara itu, menurut saksi kejadian, Zakiah Mamat, 52, sebelum kejadian, dia ada terdengar bunyi letupan dan menyangka hanya bunyi mercun atau bunga api yang sering dimainkan oleh kanak-kanak sempena hari raya ini.

"Bagaimanapun, setelah melihat jam, saya rasa tidak se-

dap hati kerana pada awal-awal pagi sebegini tidak logik masih ada kanak-kanak bermain mercun atau bunga api, jadi, tanpa berfikir saya terus meninjau di luar rumah.

"Saya begitu terkejut setelah mendapati bunyi letupan itu dari arah rumah jiran saya yang terletak hanya beberapa meter dari rumah dan ketika itu, api sedang merebak," katanya.

Sementara itu, menurut Ketua Operasi Bomba dan Penyelamat, Penolong Karan Penguasa Bomba Abdullah Zawawi Mohamed, pihaknya menerima panggilan kecema-



NIK NATRAH



ZAKIAH

san kira-kira jam 3.25 pagi.

"Setibanya di lokasi kejadian, pihaknya mendapati rumah jenis sementara anggaran keluasan 12 meter x 12 meter telah terbakar dan dengan keamatan seramai 19 anggota daripada Balai Bomba Jalan Kota dan bantuan daripada Balai Bomba Kuala Terengganu, api dapat dikawal sepenuhnya dalam beberapa minit.

"Bagaimanapun, kediaman berkenaan tidak dapat diselamatkan dan musnah seratus peratus namun punca kejadian dan kerugian masih dalam siasatan," katanya.

Penumpang 'terbang'

Pemandu bas rempuh belakang treler mati di tempat duduk, 4 parah termasuk 8 cedera

>>Oleh Mohd Jamil Anbia
Md Denin
anbia@hmetro.com.my

SLIM RIVER: "Kerusi tercabut dan saya tercampak ke bahagian depan bas. Dalam kesakitan, saya terpandang pemandu sudah tidak sedarkan diri dan tersepit di tempat duduknya yang remuk."

Demikian kata R Kumutha, 23, seorang daripada 12 penumpang bas yang cedera, empat daripada mereka parah dalam kemalangan meragut nyawa pemandu bas berkenaan di Kilometer 362.7, Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran susur Plaza Tol Slim River, di sini, jam 10.30 malam kelmarin.

Pemandu bas ekspres yang terbunuh itu dikenali sebagai Hussain Jaafar, 29 dan ketika kejadian bas terbabit dalam perjalanan dari Klang, Selangor ke Butterworth, Pulau Pinang.

Kemalangan berlaku apabila bas terbabit melanggar belakang sebuah treler dengan muatan besi seberat 30 tan itu sebelum menyeret treler itu sejauh lebih 100 meter.

Kumutha yang juga penuntut Sarjana Sumber Manusia, Universiti Selangor (Unisel) berkata, ketika kejadian dia sedang tidur tidak jauh dari pemandu bas itu.

"Saya tidak ingat apa yang berlaku dan hanya tersedar apabila saya tercampak. Saya tidak dapat bergerak dan berasa sangat sakit."

"Ketika itu, keadaan menjadi kelam-kahut dan ramai orang merjerit kesakitan serta meminta tolong," katanya yang dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Sungai Petani, Kedah.

Menurutnya, orang awam dan penumpang bas kemudian membantu memapahnya keluar dari bas berke-



NGERI... anggota bomba berusaha mengeluarkan mayat Hussain yang tersepit di tempat duduknya.



SAKIT... Kumutha terlantar di hospital akibat patah pinggang.



naan sebelum dihantar dengan ambulans ke Hospital Slim River di sini.

Kumutha yang ditemui di Hospital Slim River (HSR) semalam berkata, doktor yang melakukan pemeriksaan dan imbasan X-Ray mem-

beritahu tulang pinggangnya patah dan dia perlu menjalani pembedahan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tanjung Malim, Superintendan Othman Nanyan berkata, kemalangan dipercayai berlaku apabila

bas dipandu Hussain gagal mengelak treler yang bergerak perlahan di depan.

Menurutnya, impak perlanggaran yang kuat itu menyebabkan kebanyakan kerusi penumpang di bahagian hadapan bas tercabut dan pe-

numpangnya tercampak "Pemandu bas ekspres itu maut di tempat kejadian. Kedua-dua kakinya hancur akibat tersepit."

"Mayat pemandu bas dan empat penumpang yang parah serta lapan yang cedera ringan dihantar ke HSR," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Othman berkata, ada penumpang mendakwa bas itu dipandu keadaan terhoyong-hayang sebelum nahas dan kemungkinan pemandu bas berkenaan mengantuk.

Menurutnya, pemandu kedua bas ekspres itu dan pemandu treler tidak mengalami sebarang kecederaan.

Penolong Penguasa Bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Slim River, Md Zin Mohd Saadin berkata, anggota bomba yang tiba di tempat kejadian mendapati bas ekspres itu melekat di belakang treler.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar-siti layar
subscription.metro.com.my



HASSAN...tak percaya

Hati pilu kembar terbunuh

SLIM RIVER: "Pilu hati apabila mengetahui kembar saya Hussain kini sudah tiada. Patutlah tidak lena tidur sejak beberapa malam lalu," kata Hassan Jaafar, 29, saudara kembar pemandu bas ekspres, Hussain Jaafar, 29, yang terbunuh apabila kenderaan dipandunya merempuh sebuah treler di Kilometer 362.7, Lebuhraya Utara-Selatan, di sini, malam kelmarin.

Hassan berkata, dia seolah-olah tidak percaya kembarinya sudah tiada kerana arwah sihat dan ceria ketika keluar bekerja awal pagi Rabu lalu.

"Hussain sempat menghulurkan RM370 dan meminta saya membayarkan ansuran bulanan kereta sebelum meninggalkan rumah di Kampung Uato Manan Tiak, Kupang, Kedah."

"Saya hanya menerima berita kematiannya jam 12.30 tengah malam semalam, sebelum berges ke Hospital Slim River," katanya yang bekerja sebagai pemandu lori.

Menurutnya, walaupun rami hubungan mereka cukup rapat kerana berkongsi minat sama.



CARI PUNCA... anggota unit forensik menyiasat kereta yang hangus terbakar, semalam.

Flat gempar 3 kereta hangus

GEORGETOWN: "Ketika sedang tidur, saya terhidu bau hangit kuat sebelum meninjau keluar dan terkejut apabila melihat api serta kepulan asap," kata seorang penghuni yang mahu dikenali Goh, 34, yang tinggal di Flat Jalan Semarak Api, Bandar Baru Air Itam di sini, semalam.

Menurutnya, dia yang tinggal di tingkat satu flat terbabit kemudian mengkejutkan ahli keluarga kerana

bimbang parkara buruk berlaku sebelum memaklumkan kepada jiran.

"Jiran kemudian menghubungi bomba dan saya bersama mereka kemudian turun ke kawasan parkir kereta dan kami cuba memadam kebakaran itu."

"Mujur bomba tiba cepat dan berjaya memadamkan api yang jika dibiarkan mungkin boleh menyambar kenderaan lain," katanya. Dalam kejadian kira-kira

jam 2.30 pagi itu, penghuni flat terbabit gempar apabila tiga kereta yang diletakkan di kawasan parkir flat itu hangus secara tiba-tiba.

Kebakaran itu memusnahkan tiga kereta masing-masing Perodua Alza, Toyota Altis dan Proton Iswara dan kerugian dianggarkan mencecah RM200,000.

Difahamkan, kebakaran terbabit dikatakan bermula dari kereta pemilik Perodua Alza yang baru dibeli itu.

Sepasukan anggota bomba dan penyelamat yang tiba di tempat kejadian berjaya memadam api yang marak dan hampir merebak ke beberapa deretan kenderaan lain.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisyoner Gar Kong Meng ketika dihubungi mengesahkan kejadian dan berkata pihaknya masih menyiasat sama ada ada unsur khianat atau sebaliknya.

Kerat mayat sebelum bakar

Jasad tanpa kepala ditemui berasap di ladang kelapa sawit

>>Oleh Siti Azila Alias
am@hmetro.com.my

NIBONG TEBAL: Kepulan asap di sebuah lorong kecil berhampiran ladang kelapa sawit membawa kepada penemuan mayat seorang lelaki terbakar dalam keadaan tanpa kepala, kedua-dua tangan dikerat pada paras siku dan kaki dipotong di bahagian paha.

Mayat lelaki dipercayai mangsa pembunuhan kejam itu ditemui orang awam yang curiga selepas melihat kepulan asap dekat ladang kelapa sawit di Jalan Sungai Kechil, di sini, jam 9.45 pagi, semalam.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pulau Pinang, Asisten Komisioner Mat Nasir Salleh berkata, ketika ditemui sebahagian mayat masih terbakar itu dan mangsa hanya berseluar dalam.

Menurutnya, siasatan anggota forensik yang bergegas ke tempat kejadian gagal menemui dokumen pengenalan diri pada mayat terbakar dan menganggarkan usia mangsa dalam 30-an.

"Mangsa dikenal pasti lelaki berdasarkan kemaluannya yang tidak terbakar dan polis menemui tiga tin minyak dipercayai digunakan untuk membakar mangsa tidak jauh dari tempat kejadian.

"Polis turut menemui dua jari mangsa yang masih elok dan ia penting untuk membantu siasatan kami bagi mengenali identiti mangsa,"



CARI BUKTI..anggota Unit Forensik menjalankan siasatan di tempat kejadian.



USUNG..anggota polis mengangkat mayat mangsa.

katanya.

Mat Nasir berkata, pakar Patologi Hospital Pulau Pinang, Datuk Dr Bhupinder Singh yang melakukan pemeriksaan mengesahkan mangsa meninggal dunia tu-

juh jam sebelum ditemui.

"Ini bermakna mangsa mati jam 4 pagi dan polis percaya dia dibunuh tempat lain sebelum anggota badannya dikerat dan dikumpulkan di kawasan ladang sawit ber-

kennaan untuk dilupuskan," katanya.

Menurutnya, mayat itu dihantar ke Hospital Seberang Jaya untuk dibedah siasat dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 302, Kanun Keseksamaan kerana membunuh.

Mat Nasir turut meminta saksi yang mempunyai maklumat mengenai kejadian itu menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) di talian 04-5324222 atau balai polis berhampiran bagi membantu siasatan.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my



TUTUP..mayat mangsa ditempat kejadian.

Bas kilang cabut lepas langgar mati

KUALA LUMPUR: Seorang mahasiswa sebuah kolej swasta maut dalam keadaan mengerikan apabila kepalanya digilis sebuah bas kilang dalam kemalangan di Jalan Melati 1/5, Taman Melati, di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 7.30 malam itu, bas kilang yang dipandu dari arah bertentangan bertembung motosikal mangsa menyebabkan dia tercampak sebelum digilis di kepala.

Mangsa, Wan Ahmad Al-Muzammil Abdul Hamid, 26, berasal dari Kuala Terengganu baru menamatkan pengajian dalam ijazah sarjana muda teknologi maklumat di sebuah kolej swasta April lalu.

Sumber polis berkata, mangsa tidak sempat mengelak sebuah bas berkenaan membelok ke satu persimpangan secara mengejut sebelum tercampak dan terjatuh di atas jalan.

Difahamkan, bas berkenaan yang dalam perjalanan menghantar pekerja kilang pulang di kawasan berkenaan, bagaimanapun terus meninggalkan tempat kejadian.

Sementara itu, dalam kejadian berasingan di Jalan Dutamas 2, semalam seorang penunggang motosik-



WAN AHMAD AL-MUZAMMIL..maut

kal warga Indonesia maut selepas dirempuh sebuah kereta.

Kejadian jam 9 pagi itu berlaku sebaik mangsa yang menunggang motosikal menukar laluan secara tiba-tiba untuk memintas kereta Proton Waja untuk memasuki persimpangan kanan.

Akibanya, mangsa maut di tempat kejadian selepas tercampak di cermin depan kereta berkenaan dan terjatuh di atas alan manakala penbongceng cedera ringan.

Mangsa yang dikenali sebagai Mustar, 46, berasal dari Surabaya, Indonesia dan bekerja di Malaysia.

Saksi kedua-dua kejadian yang mempunyai maklumat diminta tampil membantu siasatan di balai polis atau menghubungi rakan cop di talian 03-21159999.

'Kakitangan TNB' periksa pendawaian curi duit raya

REMBAU: Lagak dua lelaki menyamar kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk membaiki sistem pendawaian elektrik memperdayakan seorang warga emas sebelum suspek mencuri weng milik mangsa di Kampung Nerambai, Lubok Cina, dekat sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian jam 3 petang itu, Kamariah Derauh, 84, yang tinggal seorang diri didatangi dua lelaki yang memakai uniform berwarna bi-

ru dan meminta membaiki sistem pendawaian elektrik dalam rumahnya.

Menurutnya, dia tidak mengesyaki sesuatu yang buruk dan membenarkan kedua-dua lelaki itu memasuki rumahnya untuk melihat lebih dekat meter elektrik di ruang tamu.

"Mereka meminta kad pengenalan untuk menulis butiran diri saya sebagai rekod. Kemudian, seorang daripada lelaki itu meminta saya me-

nunjukkan meter elektrik manakala seorang lagi memeriksa sistem pendawaian elektrik berhampiran tempat tidur saya yang mana beg duit disimpan," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Kamariah berkata, selepas selesai memeriksa kira-kira 30 minit kedua-dua lelaki itu beredar sebelum dia berasa tidak sedap hati lalu memeriksa beg duit yang diletakkan di kabinet baju.

"Saya terkejut apabila mendapati duit raya RM450 yang disimpan dalam beg duit lekap. Saya menghubungi polis untuk memaklumkan kejadian," katanya yang membuat laporan di Balai Polis Kota.

Menurutnya, empat tahun lalu barang kemasnya berjumlah RM6,000 dilarikan pencuri yang memecah masuk rumah dan tidak menyangka kejadian sama berulang cuma kali ini hanya wang tunai dicuri.



KESAL..Kamariah menunjukkan beg duitnya.

Pemilik banglo rugi RM250,000

Resah sebelum ditimpa malang

>>Oleh Khairul Hamizy Ramlee
ain@hmet0.com.my

KUALA TERENGGANU: "Saya sering dilanda perasaan resah sejak beberapa hari lalu dan banyak termenung kerana memikirkan apa punca sebenarnya.

"Pagi tadi (semalam) barulah saya sedar perasaan itu sebenarnya petanda keluarga saya ditimpa kejadian malang apabila rumah kami terbakar," kata Wan Khairul Amri Wan Abdullah, 36, yang kerugian RM250,000 selepas kediamannya di Kampung Sekati, Manir, dekat sini, hangus dijilat api, semalam.

Dalam kebakaran jam 10.30 pagi itu, api dipercayai bermula dari stor tempat menyimpan peralatan telekomunikasi sebelum merebak ke ruang tamu rumah banglo terbabit.

Wan Khairul Amri yang berniaga peralatan telekomunikasi berkata, ketika kejadian dia berada di kedainya di Jalan Pejabat, di sini dan bergegas pulang selepas ibunya, Sara Abdul Rahman, 62, menghubungi memaklumkan kebakaran itu.

Menurutnya, dia sebak sebaik tiba di rumah yang didiami lebih 20 tahun lalu hangus, bagaimanapun, dia bersyukur kerana isterinya,



MALANG...kediaman Wan Khairul yang hangus dalam kebakaran.

Juhariah Zakaria, 28, serta dua anak mereka, Wan Harith Akmal, 4, dan Wan Hafiz Ammar, 1, berjaya menyelamatkan diri.

"Saya difahamkan, sebelum kejadian berlaku anak sulung saya bermain di dalam stor itu dan bergegas keluar sebaik asap memenuhi ruang bilik berkenaan.

"Nasib baik ketika kejadian ibu serta isteri saya sempat membawa anak-anak keluar dari rumah selepas mendapati api berkenaan mula marak ke bahagian ruang tamu.

"Saya cuba bertanya kepada Wan Harith Akmal namun dia gagal menjawab pertanyaan saya kerana masih trauma dengan kejadian itu," katanya.

Abang sulung mangsa, Wan Zainuddin, 42, yang tinggal di belakang rumah itu berkata, ketika kejadian dia terkejut apabila mendengar ibunya menjerit meminta tolong memadamkan api.

Menurutnya, tanpa berlelah dia bergegas meminta bantuan penduduk kampung sebelum mereka cuba

memecahkan pintu stor yang terkunci untuk memadamkan kebakaran.

"Malangnya, sebaik pintu itu dibuka api marak mula merebak ke dalam rumah dan gagal dikawal, namun majulah anggota bomba tiba dan memadamkan kebakaran daripada merebak beberapa minit kemudiannya," katanya.

Sementara itu, jurucakap bomba dan penyelamat berkata, pihaknya menerima panggilan jam 11 pagi dan tiba di lokasi kejadian 10 minit kemudian.

Anak, cucu nyaris rentung

Tindakan pantas jiran dan penunggang motosikal selamatkan nyawa gadis OKU

CHUKAI — "Apabila tuan rumah berada dalam bilik tidur, saya terus menahan seorang penunggang motosikal yang lalu di depan rumah. Penunggang motosikal itu mendukung kedua-dua mangsa manakala saya pula mengaitkan kereta untuk mengelak daripada meletup," kata Mohamad Yusof, 64.

Tindakan pantas Mohamad dan penunggang motosikal itu, menyelamatkan nyawa gadis kurang upaya (OKU), Amirah Suhaili Said, 19, yang tidak mampu berjalan dan kanak-kanak, Nurul Adawiah Zabii, 4, dalam kejadian kebakaran yang mengakibatkan mangsa sekeluarga tinggal sehelai sepinggang, di Rumah Murah Kampung Fikri, dekat siri, kira-kira jam 11 pagi semalam.

Ketika didatangi Mohamad, ibu gadis OKU terabit, Rahani Harun, 43, yang berada di hadapan rumah terlalu terkejut dan panik apabila melihat api membakar bahagian depan rumahnya tidak terdaya berbuat apa-apa.

Mohamed yang tinggal di hadapan rumah mangsa berkata, melihat keadaan rumah (Rahani) yang berada di hadapan rumah sama ada masih ada sesiapa lagi di dalam rumah sebelum diberitahu bahawa anak gadisnya dan cucu berada dalam bilik tidur.

Ketika kedua-dua mangsa dikeluarkan api semakin marak. Saya pula sempat masuk ke dalam rumah dan mencapai bog barangan kemas



Shamsudin sayu melihat keadaan rumahnya yang musnah menyebabkan mereka sekeluarga kerugian kira-kira RM150,000 dan tinggal sehelai sepinggang.

milik mangsa, namun wang ringgit yang berada dalam rumah tidak sempat diselamatkan kerana api marak terlalu cepat.

"Hanya dalam tempoh tak sampai setengah jam, rumah mangsa hangus dijilat api. Saya sedita kejadian ini berlaku sejurus isteri kejutkan saya dari tidur dan segera saya meluru ke rumah mangsa," katanya.

Kerugian keseluruhan ditanggung mangsa sekeluarga dianggarkan bernilai kira-kira RM150,000 dengan kesemua perabot dan barang berharga seperti peti ais, mesin basuh dan televisyen musnah dimamah api.

Syukur isteri, anak dan cucu selamat

SEMENTARA itu, suami Rahani, Shamsudin Hamzah, 61, melahirkan rasa syukur kerana anak dan cucunya selamat biarpun ketiadaan mereka musnah.

"Saya diberitahu tentang musibah ini oleh menantu dan ketika itu saya berada dekat Pasar Besar Chukai. Waktu itu apa yang saya rundingkan hanyalah anak gadis saya kerana takut dia tak sempat diselamatkan memandangkan dia tidak boleh berjalan.

"Selepas sampai ke rumah saya lihat api sangat besar, namun Alhamdulillah anak, cucu dan isteri selamat," katanya.

Api dipercayai bermula di gerai di hadapan rumah yang menjadi tempat Shamsudin menjual ayam balik tetapi ketika kejadian mereka masih belum membuka gerai.

Dalam pada itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kemaman, Penolong Penguasa Bomba Mahazan Mat Jurus yang mengetuai operasi penanggulangan terabit berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 11.06 pagi dan bergegas dengan kekuatan anggota seramai 14 orang serta dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Chukai dan Balai Bomba dan Penyelamat Kemaman.

Katanya, ketika pihak mereka tiba kira-kira 80 peratus rumah telah dilat api dan api turut merebak ke rumah bersebelahan.

"Kira-kira 10 minit kemudian api berjaya dikawal dan dipadamkan sepenuhnya pada jam 12.40 tengah hari. Kita juga berusaha memadamkan kebakaran yang telah merebak ke rumah bersebelahan yang kira-kira lima peratus terbakar. Punca kebakaran masih lagi dalam siasatan," katanya.

Pelbagai pihak tampil hulur sumbangan segera

DALAM perkembangan sama, musibah yang menimpa Shamsudin sekeluarga ini mendapat perhatian Adin Chukai, Datuk Mohamed Awang Tera; Pengarah Majlis Tindakan Dun (MTD) Chukai, Hanafiah Mat dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Kemaman, Ghazali Awang yang hadir menziarahi dan menyampaikan sumbangan segera.



Hanafiah memberi kata-kata semangat kepada Shamsudin agar tabah menghadapi ujian ALLAH SWT.



MAHAZAN



MCHAMAD

Ghazali berkata, pihaknya menyalurkan bantuan berbentuk keperluan asas iaitu makanan dan keperluan harian.

"Dari segi penempatan sementara buat Shamsudin sekeluarga pula ia akan dibincangkan dengan Pejabat Dun Chukai kerana terdapat sebuah rumah PPR (Projek Perumahan Rakyat Termiskin) yang telah siap. Mungkin rumah ini boleh diduduki mangsa sekeluarga buat sementara waktu," katanya.



Amirah yang tidak mampu berjalan diselamatkan penunggang motosikal yang mendukung dan mengeluarkannya dari rumah yang terbakar.

SITI KHAIRULNISAH MOHAMMED DAJURI & NIK MUHD RAHQ ABD GHANI

Tragedi bas ekspres

Di sebalik penurunan kadar kemalangan yang dicatatkan dalam Op Selamat yang berakhir Ahad lalu, kejadian kemalangan teruama membabitkan kenderaan berat masih berlaku. Terbaru, dalam kemalangan berasingan, dua bas terbabit dalam kemalangan.

KES 1

Maut selepas bas rempuh treler

DI SLIM RIVER, kemalangan melibatkan sebuah bas ekspres dan sebuah treler membawa muatan besi di Kilometer 362.7 Lebuhraya Utara Selatan, kelmarin, mengakibatkan pemandu bas, Husain Jaafar, 29 maut, empat penumpang bas parah dan lapan lagi cedera ringan.

Ketua Polis Daerah Tanjung Malim, Superitender, Othman Naryan memaklumkan, kejadian berlaku pada kira-kira jam 10.45 malam dan ketika itu, bas ekspres dipandu mangsa yang membawa 18 penumpang sedang dalam perjalanan dari Klang menuju Butterworth.

Menurut beliau, sekebanya di tempat kejadian, bas berkenaan dipercayai telah merempuh bahagian belakang lori treler dari arah sama yang dipandu seorang lelaki berusia 39 tahun menyebabkan kedua-dua kenderaan tertunda sejauh 100 meter ke hadapan.

"Mangsa tersepit di tempat duduk

pemandu bas ekspres berkenaan dan maut serta merta akibat kecederaan dalam. Mayatnya telah dikeluarkan oleh lima anggota Bomba dan Penyelamat Slim River.


"Penumpang bas yang parah dan cedera ringan dikejarkan ke Hospital Slim River untuk mendapatkan rawatan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, adik kembar mangsa, Hassan Jaafar, 29 berkata, dia merasa tidak sedap hati secara tiba-tiba pada malam kejadian, bagaikan ada sesuatu akan terjadi sehingga sukar melepaskan mata.

Menurutnya, dia baru cuba melepaskan mata kira-kira jam 12 tengah malam apabila mendapat panggilan dari adik beradik lain memadamkan Husain meninggal dunia akibat kemalangan.

"Panggilan itu memang mengejutkan saya. Kali terakhir saya berjumpa Husain adalah pada Rabu

KEJADIAN KEMALANGAN LEBUH RAYA UTARA SELATAN



Keadaan bas remuk di bahagian hadapan selepas melanggar belakang sebuah lori treler sehingga meragut seorang nyawa di KM 362.7, arah Utara, Lebuhraya Utara Selatan, di sini.

lalu di rumahnya, di Kampung Dato' Manan, Tak, Ealing, Kedah.

"Arwah sempat minum air dan

menyerahkan sejumlah wang kepada kami untuk membaiki keretanya tetapi tidak menunjukkan sebarang per-

ubahan ketara ketika itu, selain lebih banyak mendiamkan diri," katanya ketika ditemui di luar Unit Forensik Hospital Slim River, semalam.

Katanya, Husain bekerja sebagai pemandu bas di kem latihan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Sungai Limau, Kedah secara kontrak dan sedang bercuti, sebelum menyambung kerja pada September nanti.

"Dia memandu bas persiaran secara sambilan sejak sebulan lalu untuk mengisi masa lapang sebelum menyambung kontrak di kem berkenaan," katanya.

KES 2

10 pelajar nyaris maut

DIDUNGUN, Seramai 10 pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) yang sedang menikmati sarapan pagi ketika waktu rehat di sebuah kedai makan berdepan detik mencemaskan apabila secara tiba-tiba dirempuh sebuah bas yang terbabas di persimpangan lampu isyarat di Kampung Batu Tujuh, pagi semalam.

Kejadian kira-kira jam 11.25 pagi itu dipercayai berpunca apabila bas ekspres dalam perjalanan dari arah Kemaman menuju ke Dungun itu dikatakan menghadapi masalah brek.

Sebaik tiba di Kilometer 84.5 Jalan Kuala Terengganu-



AZIZUL HAKIMI

Kuantan di persimpangan lampu isyarat, hadapan PSMZA itu, bas berkenaan dikatakan hilang kawalan lalu terbabas ke kiri jalan sebelum melanggar sebuah kereta Honda Civic lalu

merempuh sebuah Perodua Kembara yang berada di sebelah kiri.

Bas dinaiki 10 penumpang itu kemudiannya merempuh tiang konkrit sebuah kedai makan menyebabkan 10 pelajar PSMZA yang sedang bersarapan pagi di kaki lima hadapan kedai tersebut lari bertempiran menyelamatkan diri.

Bagaimanapun empat daripada pelajar tersebut, Azizul Hakimi, 18; Muji Rahman, 18; Ainul Iqmal, 18; dan Shahrul Azwari, 18, cedera di beberapa bahagian badan dipercayai terkena serpihan kaca dan besi dalam usaha untuk menyelamatkan diri ketika di-



Rempuhan bas menyebabkan pelajar politeknik yang sedang bersarapan bertempiran lari.

rempuh basterbebit.

Pemandu kereta Honda Civic, Ahmad Qasimi Mohamed, 27 dan rakannya yang duduk di tempat duduk hadapan, Malcolm Wee, 25,

berjaya menyelamatkan diri dengan keluar melalui pintu sebelah kiri dan kedua-duanya dilaporkan cedera ringan.

Seramai 10 penumpang bas tersebut bagaimanapun

tidak mengalami sebarang kecederaan manakala pemandu bas, Zahari Muda, 39, dari Pengkalan Arang, Kuala Terengganu hanya cedera ringan.